



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

SOROTAN STATISTIK EKONOMI MALAYSIA

EDISI KHAS

"MENELUSURI LANDSKAP EKONOMI"



JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

SOROTAN STATISTIK EKONOMI MALAYSIA

EDISI KHAS

"MENELUSURI LANDSKAP EKONOMI"

Pemakluman:

Kepengerusian ASEAN-Malaysia 2025: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) akan mempengerusikan Jawatankuasa Sistem Statistik Komuniti ASEAN Ke-15 (ACSS15) yang bertujuan untuk memperkukuh kerjasama statistik ke arah pembangunan serantau yang mampan.

Malaysia buat julung kalinya telah menduduki tangga pertama (1) di peringkat global dalam laporan dwi-tahunan Open Data Inventory (ODIN) 2024/25 yang dikeluarkan oleh Open Data Watch (ODW), mengatasi 198 negara lain. Pencapaian ini merupakan lonjakan ketara daripada kedudukan ke-67 dalam penilaian ODIN 2022/23.

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan 20 Oktober sebagai Hari Statistik Negara (MyStats Day), dengan tema 'Statistik Nadi Kehidupan.' Sementara itu, Hari Statistik Dunia Keempat akan disambut pada 20 Oktober 2025 dengan tema '*Driving Change with Quality Statistics and Data for Everyone*'.

OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

Diterbitkan dan dicetak oleh:

Jabatan Perangkaan Malaysia

Blok C6 &C7, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62514 Putrajaya,
MALAYSIA

Tel.	: 03-8885 7000
Faks	: 03-8888 9248
Portal	: https://www.dosm.gov.my
Facebook / X / Instagram	: StatsMalaysia
Emel	: info@dosm.gov.my (pertanyaan umum) data@dosm.gov.my (pertanyaan & permintaan data)

Diterbitkan pada Mei 2025.

Hakcipta terpelihara.

Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukar dalam apa-apa bentuk atau alat apa jua pun kecuali setelah mendapat kebenaran daripada Jabatan Perangkaan Malaysia. Pengguna yang mengeluarkan sebarang maklumat dari terbitan ini sama ada yang asal atau diolah semula hendaklah meletakkan kenyataan berikut:

“Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia”.

e ISBN 978-967-253-899-8

02	TINTA KETUA PERANGKAWAN		
04	INDIKATOR EKONOMI UTAMA		
06	RENCANA		
14	EVOLUSI EKONOMI		
20	PERTANIAN		
22	INDUSTRI DAN PEMBUATAN	35	SEKTOR LUARAN
26	PERKHIDMATAN	56	HARGA
		62	SENARIO BURUH
		68	KESIMPULAN
		70	AHLI MESR
		71	PENGHARGAAN

Dengan sukacitanya, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) menerbitkan **Edisi Khas Sorotan Statistik Ekonomi Malaysia (MESR)** buat julung kalinya yang menandakan satu pencapaian bermakna dalam mendokumentasikan perjalanan pembangunan Malaysia sepanjang dekad. Edisi ini menyediakan naratif yang komprehensif dan berteraskan data mengenai evolusi ekonomi negara berasaskan petunjuk statistik yang kukuh merangkumi aliran makroekonomi, perubahan sektor, pasaran buruh yang dinamik, corak inflasi dan prestasi perdagangan antarabangsa.

Sepanjang tahun-tahun tersebut, Malaysia telah melalui fasa transformasi menerusi pelaksanaan pembaharuan domestik serta landskap ekonomi yang berubah dengan pantas, sementara mengharungi ketidaktentuan global. Petunjuk makroekonomi menunjukkan negara berusaha mencapai kestabilan dan daya tahan serta memperlihatkan komitmen yang ketara dalam mengatasi cabaran dan mengekalkan pertumbuhan. Meskipun pertumbuhan ekonomi mengalami turun naik akibat kejutan luaran termasuk krisis kesihatan, namun Malaysia telah menunjukkan perjalanan pemulihan yang berterusan disokong oleh tindak balas dasar yang kukuh dan kerangka ekonomi yang bersifat adaptif.

Pada peringkat mikroekonomi, Malaysia telah menyaksikan perubahan yang memberangsangkan dalam sumbangan sektoral, khususnya melalui perluasan aktiviti berkaitan perkhidmatan dan ekonomi digital. Perkembangan ini mencerminkan transformasi struktur yang selari dengan aspirasi untuk menjadi sebuah ekonomi bernilai tinggi dan dipacu oleh inovasi. Perkembangan dalam perindustrian serta kepelbagaian eksport telah memainkan peranan penting dalam memperkukuh asas ekonomi domestik.

Pasaran buruh sepanjang dekad ini mencerminkan perkembangan dalam struktur sosioekonomi Malaysia. Kadar penyertaan tenaga buruh terus meningkat, khususnya dalam kalangan wanita dan belia yang menunjukkan tahap keterangkuman yang lebih menyeluruh. Dalam masa yang sama, landskap pekerjaan lebih pelbagai dengan peningkatan pekerjaan dalam kategori berkemahiran tinggi serta peralihan beransur-ansur ke arah industri berintensif pengetahuan. Namun begitu, masih terdapat cabaran dalam menangani ketidakpadanan kemahiran dan meningkatkan produktiviti merentasi semua segmen ekonomi.

Trend inflasi sepanjang beberapa tahun kebelakangan ini secara umumnya kekal terkawal dengan pelaksanaan dasar yang memastikan kestabilan harga meskipun berdepan gangguan rantai bekalan global dan ketidaktentuan harga komoditi. Secara keseluruhan, inflasi di Malaysia telah melalui pelbagai fasa yang dipengaruhi oleh faktor domestik dan luaran. Mengurus inflasi semakin mencabar apabila kenaikan harga barangan dan perkhidmatan disebabkan oleh faktor dalaman serta tekanan luaran.

Prestasi perdagangan antarabangsa Malaysia membuktikan peranan penting negara dalam rantai nilai global. Volum dagangan telah berkembang disokong oleh kepelbagaian pasaran dan produk eksport khususnya dalam barangan elektrik dan elektronik, minyak sawit serta produk berkaitan petroleum. Kerjasama serantau dan perjanjian perdagangan turut menyumbang ke arah pengukuhan hubungan ekonomi Malaysia di peringkat global.

Edisi khas ini merangkumkan prestasi dan cabaran sepanjang dekad yang berteraskan prinsip ketelusan dan integriti data. Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada warga DOSM yang berdedikasi atas komitmen berterusan dalam menghasilkan statistik bagi tujuan pengubalan dasar berasaskan bukti dan pemahaman awam.

Melangkah ke hadapan, DOSM akan terus memodenkan sistem statistik negara dengan mengadaptasi teknologi dan sains data di samping memperkukuh libat urus bersama pengguna. Statistik yang boleh dipercayai dan tepat pada masanya akan terus menjadi asas penting dalam menyokong kerajaan, sektor perniagaan, akademik dan orang awam untuk membuat keputusan yang berinformasi dan tepat.

Kepengerusian ASEAN-Malaysia 2025: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) akan mempengerusikan Jawatankuasa Sistem Statistik Komuniti ASEAN Ke-15 (ACSS15) yang bertujuan untuk memperkukuh kerjasama statistik ke arah pembangunan serantau yang mampan.

Malaysia julung kalinya berjaya menduduki tempat pertama di peringkat global di dalam laporan dwitahunan Open Data Inventory (ODIN) 2024/25 dikeluarkan oleh Open Data Watch (ODW) dengan mengatasi 198 buah negara yang lain. Pencapaian ini merupakan lonjakan ketara daripada kedudukan ke-67 dalam penilaian ODIN 2022/23.

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan 20 Oktober sebagai Hari Statistik Negara (MyStats Day), dengan tema 'Statistik Nadi Kehidupan.' Sementara itu, Hari Statistik Dunia Keempat akan disambut pada 20 Oktober 2025 dengan tema '*Driving Change with Quality Statistics and Data for Everyone*'.

OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.


DATO' SRI DR. MOHD UZIR MAHIDIN

Ketua Perangkawan Malaysia
Jabatan Perangkaan Malaysia


Mei 2025

INDIKATOR EKONOMI UTAMA


Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK)




Sektor Pembuatan, Nilai Ditambah




Sektor Pertanian, Nilai Ditambah




Sektor Pembinaan, Nilai Ditambah




Sektor Perlombongan & Pengkuarian, Nilai Ditambah




Pendapatan Negara Kasar (PNK) per kapita




Nilai Jualan Barangan & Perkhidmatan




Penduduk Bekerja




Indeks Harga Pengguna (IHP)




Indeks Harga Pengeluar (IHPR) Pengeluaran Tempatan




Import



Eksport



Imbangan Akaun Semasa (CAB)



Evolusi Banci Penduduk

Muhamad Fadzil Ismail, Amerudin Abdul Ghani, Nur Azmina Ahmad Zuhkhori,
Zainal Abidin Abd Mutalib, Adam Akashah Ahmad

Bahagian Perangkaan Penduduk dan Demografi

Evolusi Banci Penduduk

Penduduk dunia telah meningkat dengan ketara daripada satu bilion pada tahun 1800 kepada 8.1 bilion pada tahun 2024. Walaupun populasi dunia terus meningkat, kadar pertumbuhan telah perlahan sejak tahun 1950 berikutan penurunan kadar kesuburan (Max Roser, 2019). Dua faktor yang diketahui umum yang mempengaruhi populasi sesebuah kawasan adalah kadar kelahiran dan kematian serta migrasi (Weeks, J. R, 2020).


Banci Penduduk pertama di Malaysia telah dijalankan semasa era penjajahan British di Negeri-Negeri Selat (Singapore, Pulau Pinang dan Melaka) pada tahun 1840. Pada tahun 1911, banci ini telah diperluas ke Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang). Banci berikutnya telah dilaksanakan di Tanah Melayu pada tahun 1911, 1921, 1931, 1947 dan 1957.

Pada tahun 1970, Jabatan Perangkaan Malaysia telah diberi mandat untuk menjalankan Banci Penduduk dan Perumahan. Objektif utama pelaksanaan banci adalah untuk mengumpul data stok dan profil mengenai penduduk dan perumahan di negara ini, meliputi ciri-ciri asas demografi dan sosioekonomi sehingga ke peringkat geografi paling kecil.

Jumlah penduduk di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu dianggarkan 418.5 ribu orang pada tahun 1891. Sejak penubuhan Malaysia pada tahun 1963, sebanyak enam siri telah dijalankan yang meliputi tahun 1970, 1980, 1991, 2000, 2010 dan 2020. Evolusi dalam pelaksanaan banci juga melibatkan perubahan dalam metodologi pengumpulan data, pemetaan banci, pemprosesan, analisis dan penyebaran data. Banci 2020 menyaksikan penggunaan teknologi GIS semasa peringkat pemetaan yang melibatkan kemas kini dan pemuktamadan blok penghitungan (EB) berdasarkan ciri-ciri terkini di lapangan. Di peringkat penghitungan, pendekatan e-Census digunakan secara meluas dengan liputan sekitar 30 peratus isi rumah berbanding satu peratus pada tahun 2010. Di samping itu, temu bual berkomputer secara bantuan peribadi (CAPI) telah menyumbang kepada pengumpulan data yang lebih efisien dan mengurangkan penggunaan borang soal selidik bercetak.

Carta 1a memaparkan perubahan demografi utama di Malaysia sepanjang lima dekad, menunjukkan peningkatan populasi yang berterusan daripada 10.4 juta pada tahun 1970 kepada 32.4 juta pada tahun 2020. Kadar pertumbuhan penduduk tertinggi direkodkan antara tahun 1980-1991 dan 1991-2000 pada kadar 2.6 peratus, namun kadar ini menurun kepada 1.7 pada tahun 2020, mencerminkan peralihan demografi dengan kadar kesuburan yang lebih rendah serta merubah dinamik migrasi. Peratusan bukan warganegara meningkat dengan ketara daripada 4.3 peratus pada tahun 1991 kepada 8.3 peratus pada tahun 2020, menunjukkan peningkatan kebergantungan kepada buruh asing dan migrasi antarabangsa. Berdasarkan Anggaran Semasa Penduduk 2024, Malaysia telah mengalami pertumbuhan pesat populasi, meningkat daripada 10.4 juta pada tahun 1970 kepada 34.1 juta pada tahun 2024. Agihan penduduk mengikut negeri menunjukkan Selangor mencatatkan penduduk tertinggi iaitu 7.4 juta, diikuti oleh Johor (4.2 juta) dan Sabah (3.7 juta).

Carta 1a: Jumlah Penduduk mengikut Kewarganegaraan dan Kadar Pertumbuhan, Malaysia, 1970-2020



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)


Evolusi Pembandaran

Urbanisasi merupakan proses transformasi kawasan luar bandar kepada penempatan bandar. Ini berlaku apabila penempatan bandar berkembang menjadi pekan yang lebih besar dan akhirnya menjadi bandar raya. Urbanisasi juga terbentuk daripada pertumbuhan penduduk dan pembangunan ekonomi, yang mendorong migrasi dari kawasan luar bandar ke kawasan bandar serta pengembangan fizikal kawasan bandar (Biłozor & Cieślak, 2021).

Menurut Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), kawasan bandar terdiri daripada kawasan berkanun dan kawasan binaan bersebelahan yang mempunyai jumlah penduduk sekurang-kurangnya 10,000 orang. Kawasan binaan ditakrifkan sebagai kawasan yang bersebelahan dengan kawasan berkanun di mana sekurang-kurangnya 60.0 peratus penduduk berumur 15 tahun dan ke atas terlibat dalam aktiviti ekonomi bukan pertanian.

Semasa era penjajahan British (1786 - 1957), sistem bandar moden Malaysia telah ditubuhkan, dengan infrastruktur asas seperti utiliti dan pengangkutan dibangunkan untuk menyokong fungsi ekonomi, kewangan, sosial dan pentadbiran. Perubahan ini dipacu terutamanya oleh aktiviti eksploitasi sumber asli, termasuk getah dan biji timah. Selepas kemerdekaan pada tahun 1957, kadar urbanisasi Malaysia meningkat dengan ketara daripada 28.4 peratus pada tahun 1970 kepada 75.1 peratus pada tahun 2020, mencerminkan proses perindustrian yang pesat, kepelbagaian ekonomi dan perluasan infrastruktur. Kadar urbanisasi dianggarkan akan mencecah 85.0 peratus menjelang tahun 2040, ini menunjukkan peralihan berterusan ke arah populasi berteraskan kawasan bandar. Perubahan ini membawa implikasi kepada perumahan, pengangkutan, kelestarian alam sekitar serta dasar-dasar sosio-ekonomi.

Carta 1b: Peratusan Pembandaran, Malaysia, 1970-2020




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)

Carta 1b menunjukkan kadar urbanisasi dari tahun 1970 hingga 2020, di mana peratusan penduduk bandar meningkat secara berterusan daripada 28.4 peratus kepada 75.1 peratus. Sebaliknya, penduduk luar bandar menurun daripada 71.6 peratus kepada 24.9 peratus dalam tempoh yang sama. Titik persilangan berlaku pada tahun 1991 apabila kadar penduduk bandar dan luar bandar hampir seimbang. Pertumbuhan bandar yang paling ketara berlaku antara tahun 1980 hingga 2000, menunjukkan peralihan pesat ke arah kehidupan di kawasan bandar. Trend ini menunjukkan peningkatan migrasi ke kawasan bandar yang didorong oleh perindustrian, peluang ekonomi dan penambahbaikan infrastruktur.


Negeri-negeri dengan kadar urbanisasi tertinggi adalah Selangor (95.8%), Pulau Pinang (92.5%), Melaka (90.9%), W.P. Labuan (88.9%), dan Johor (77.4%). Selain itu, W.P. Kuala Lumpur dan W.P. Putrajaya telah mencapai kadar urbanisasi 100.0 peratus, yang menunjukkan bahawa kawasan ini adalah sepenuhnya bandar seperti dipaparkan di **Carta 1c**. Taburan urbanisasi di Malaysia, berdasarkan **Paparan 1a**, menunjukkan bahawa pada tahun 2010 dan 2020 tahap urbanisasi di peringkat daerah tertumpu di ibu negeri dan dominan di kawasan Pantai Barat Semenanjung Malaysia.

Carta 1c: Peratusan Pembandaran mengikut Negeri, Malaysia, 2020



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)

Paparan 1a: Taburan Pembandaran mengikut Daerah, 2010 dan 2020




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)

Peralihan Demografi

Peralihan demografi merujuk kepada situasi di mana struktur demografi penduduk telah mengalami perubahan dari segi kadar kelahiran dan kematian, sama ada daripada kadar yang tinggi kepada kadar yang rendah atau sebaliknya (Smock & Schwartz, 2020). Perubahan dalam struktur demografi penduduk boleh dipengaruhi oleh faktor sosioekonomi sesebuah wilayah. Pengukuran demografi sesebuah negara boleh diukur melalui Model Peralihan Demografi (*Demographic Transition Model*, DTM) yang menunjukkan perubahan saiz populasi dari semasa ke semasa berdasarkan kadar kelahiran dan kadar kematian. Dua faktor utama yang menyumbang kepada penuaan penduduk adalah penurunan kadar kelahiran dan kematian secara berterusan, yang secara tidak langsung akan meningkatkan jangka hayat penduduk sesebuah negara (Rudnicka et al., 2020). Antara punca utama penurunan kesuburan adalah peningkatan bilangan wanita dalam pendidikan tinggi serta penyertaan wanita dalam pasaran buruh yang menyebabkan kepada kecenderungan untuk berkahwin lewat atau memilih untuk tidak berkahwin. Keadaan ini secara langsung akan memendekkan tempoh reproduktif dan menyumbang kepada penurunan kadar kesuburan.

Menurut Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN), penangguhan perkahwinan akan secara langsung memendekkan tempoh reproduktif dan seterusnya menyumbang kepada penurunan kadar kesuburan. Secara umumnya, Malaysia kini berada dalam fasa ketiga di mana peralihan corak demografi negara menunjukkan kadar kelahiran kasar (*Crude Birth Rate*, CBR) menurun daripada 19.4 kelahiran pada tahun 1911 kepada 13.6 kelahiran pada tahun 2023. Kadar kematian kasar (*Crude Death Rate*, CDR) juga menunjukkan penurunan daripada 39.1 kematian pada tahun 1911 kepada 5.9 kematian bagi setiap 1,000 penduduk pada tahun 2023. Jangka hayat kelahiran bagi lelaki dan wanita masing-masing menunjukkan peningkatan daripada 55.8 tahun dan 58.2 tahun pada tahun 1957 kepada 73.0 tahun dan 77.8 tahun pada tahun 2024.

Carta 1d: Peralihan Demografi, Malaysia, 1911-2023




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)

Evolusi Kelahiran Dan Kesuburan

Di Malaysia, kadar kelahiran kasar (*Crude Birth Rate*, CBR) telah melalui dua evolusi yang berbeza, iaitu peningkatan dan penurunan sejak tahun 1911. CBR tahunan menunjukkan trend peningkatan dari tahun 1911 hingga 1962 (**Carta 1e**). Namun begitu, mulai tahun 1963 hingga 2023, CBR menunjukkan trend penurunan. Kadar kelahiran kasar tertinggi di Malaysia direkodkan pada tahun 1957 dengan 46.2 kelahiran. Menjelang tahun 2023, kadar ini telah menurun kepada 13.6 kelahiran bagi setiap 1,000 penduduk. Ini turut mencerminkan peralihan demografi di Malaysia.

Carta 1e: Kadar Kelahiran Kasar, Malaysia, 1911-2023




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)

Nota: Data untuk 1958-1962 merujuk kepada Semenanjung Malaysia

Jumlah kadar kesuburan (*Total Fertility Rate*, TFR) merupakan satu penunjuk demografi yang digunakan untuk menganggarkan purata bilangan anak yang akan dilahirkan oleh seorang wanita sepanjang tempoh reproduktif (15 hingga 49 tahun). Tahap penggantian kesuburan (*replacement fertility level*) adalah 2.1 anak, yang menunjukkan bahawa purata bilangan anak yang dilahirkan oleh seorang wanita sepanjang tempoh reproduktif adalah mencukupi untuk menggantikan dirinya dan pasangannya.

Dalam tempoh enam dekad yang lalu, TFR Malaysia telah menurun dengan ketara daripada 6.3 anak bagi setiap wanita berumur 15-49 tahun pada tahun 1958 kepada 1.7 anak pada tahun 2023 seperti yang dipaparkan di **Carta 1e**. Dari tahun 1958 hingga 2012, TFR Malaysia kekal melebihi tahap penggantian kesuburan. Walau bagaimanapun, mulai tahun 2013, kadar TFR menurun ke paras di bawah tahap penggantian tersebut. TFR Malaysia terus menunjukkan trend penurunan mencecah 1.6 pada tahun 2022 dan 1.7 pada tahun 2023.

Carta 1f: Jumlah Kadar Kesuburan (TFR), Malaysia, 1958-2023



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)

Nota: Data untuk 1958-1962 merujuk kepada Semenanjung Malaysia


Evolusi Penuaan Penduduk

Penduduk di seluruh dunia semakin menua, termasuk di Malaysia. Trend ini akan memberi kesan kepada pelbagai aspek kehidupan sosial dan ekonomi. Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) telah menetapkan tiga kategori tahap penuaan, iaitu *Ageing Society*, *Aged Society* and *Super Aged Society*, yang masing-masing merujuk kepada peratusan penduduk berumur 65 tahun dan ke atas mencapai 7.0 peratus, 14.0 peratus, dan 20.0 peratus. Peratusan penduduk muda (0–14 tahun) menunjukkan penyusutan kepada 22.2 peratus pada tahun 2024 berbanding 44.9 peratus pada tahun 1970. Manakala, peratusan penduduk dalam kumpulan umur bekerja (15–64 tahun) meningkat kepada 70.1 peratus pada tahun 2024, berbanding 52.1 peratus pada tahun 1970, sekali gus menunjukkan peningkatan dalam potensi guna tenaga negara. Penduduk Malaysia yang berumur 65 tahun dan ke atas pada tahun 1970 direkodkan pada 3.1 peratus dan trend usia kumpulan ini terus menunjukkan peningkatan kepada 7.7 peratus pada tahun 2024. **Carta 1g** menunjukkan bahawa Malaysia telah mencapai status negara menua (*aging country*) pada tahun 2021, dan kumpulan penuaan ini terus meningkat dan menghampiri 8.0 peratus menjelang Banci 2030.

Malaysia diunjurkan akan mencapai status *Super Aged Society* (berdasarkan definisi PBB) pada tahun 2061, dengan 20.2 peratus daripada penduduk berumur 65 tahun dan ke atas. Sementara itu, berdasarkan Dasar Warga Emas Negara (DWEN), penduduk Malaysia dijangka mencapai status negara tua (*aging nation*) pada tahun 2030, dengan 15.3 peratus penduduk berumur 60 tahun dan ke atas.

Komposisi penduduk dalam kumpulan umur bekerja (15–64 tahun) merupakan kumpulan umur terbesar, menyumbang 69.3 peratus (22.5 juta orang) daripada jumlah penduduk pada tahun 2020.

Carta 1g: Penduduk mengikut Struktur Umur, Malaysia, 1970-2023



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)

Peningkatan jangka hayat dan penurunan kadar kelahiran telah membawa kepada perubahan dalam struktur umur. Ini adalah fenomena global, di mana kadar pertumbuhan penduduk dalam kalangan golongan muda (0–14 tahun) semakin perlahan, manakala kadar pertumbuhan penduduk dalam kalangan warga tua (65 tahun dan ke atas) semakin meningkat. Senario perubahan struktur umur ini turut memberi kesan terhadap penurunan kadar tanggungan (*dependency ratio*). Penurunan kadar tanggungan menunjukkan bahawa sesebuah negara berpotensi untuk mengalami dividen demografi. Kadar tanggungan merujuk kepada bilangan penduduk muda dan tua yang bergantung kepada setiap 100 orang penduduk dalam kumpulan umur bekerja. Kadar tanggungan keseluruhan menunjukkan penurunan daripada 92.1 (1970) kepada 44.3 (2020).

Rujukan

Ageing in a transit-oriented city: Satisfaction with transport, social inclusion and wellbeing. (2020). Transport Policy, 97, 85–94. <https://doi.org/10.1016/j.tranpol.2020.06.016>

Biłozor, A., & Cieślak, I. (2021). Review of Experience in Recent Studies on the Dynamics of Land Urbanisation. Land, 10(11), 1117. <https://doi.org/10.3390/land10111117>

Jabatan Perangkaan Malaysia (2023). Perangkaan Penting, Malaysia

Jabatan Perangkaan Malaysia (2023). Jadual Hayat Ringkas, Malaysia

Jabatan Perangkaan Malaysia (2022). Penemuan Utama Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia, Bandar dan Luar Bandar 2020

Jabatan Perangkaan Malaysia (2022). Penemuan Utama Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020

Max Roser (2019) - "The global population pyramid: How global demography has changed and what we can expect for the 21st century" Published online at OurWorldinData.org. Retrieved from: '<https://ourworldindata.org/global-population-pyramid>'

Rudnicka, E., Napierała, P., Podfigurna, A., Męczekalski, B., Smolarczyk, R., & Grymowicz, M. (2020). The world health organization (WHO) approach to healthy ageing. Maturitas, 139(139), 6–11. <https://doi.org/10.1016/j.maturitas.2020.05.018>

Smock, P. J., & Schwartz, C. R. (2020). The demography of families: A review of patterns and change. Journal of Marriage and Family, 82(1), 9–34. <https://doi.org/10.1111/jomf.12612>

Walsh, C. A., Cahir, C., Tecklenborg, S., Byrne, C., Culbertson, M. A., & Bennett, K. E. (2019). The association between medication non-adherence and adverse health outcomes in ageing populations: A systematic review and meta-analysis. British Journal of Clinical Pharmacology, 85(11), 2464–2478. <https://doi.org/10.1111/bcp.14075>

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong


**Menelusuri Landskap
Ekonomi**

Malaysia dan Persekitaran Ekonomi Antarabangsa

Ekonomi global telah melalui perubahan yang ketara, mencerminkan evolusi struktur perdagangan, kewangan dan pembangunan industri di peringkat antarabangsa. Pertumbuhan pesat, krisis ekonomi serta dasar ekonomi yang berbeza-beza telah membentuk dinamik ekonomi dunia, dengan faktor teknologi dan geopolitik memainkan peranan penting dalam menentukan arah tuju ekonomi global. Perkembangan ini turut memberi impak kepada kedudukan negara-negara di dalam ekosistem ekonomi global, termasuk Malaysia, yang terus menyesuaikan dasar dan strateginya untuk memastikan daya saing serta kestabilan jangka panjang.

Tahun 1970-an menyaksikan ketidaktentuan ekonomi akibat krisis minyak dunia, yang mencetuskan inflasi yang tinggi dan pertumbuhan yang perlahan. Fenomena stagflasi turut berlaku apabila kos pengeluaran meningkat, memaksa negara maju mengetatkan dasar monetari. Pada 1980-an, liberalisasi perdagangan dan kewangan serta dasar pasaran bebas di United States dan United Kingdom, mempercepatkan pertumbuhan perdagangan, pelaburan asing dan pasaran kewangan global. Namun, ketidakseimbangan ekonomi, termasuk peningkatan hutang luar negara, telah meningkatkan risiko kewangan. Memasuki abad ke-21, kebangkitan China mendorong pertumbuhan global, meskipun krisis kewangan 2008 mencetuskan kemelesetan, diikuti pemulihan perlahan pada era 2010-an akibat ketidaktentuan geopolitik. Pandemik COVID-19 pada tahun 2020-an melumpuhkan ekonomi dunia, mendorong kepada rangsangan besar-besaran, transformasi digital, dan penekanan terhadap daya tahan ekonomi. **Carta 1** menunjukkan saiz ekonomi iaitu Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) pada harga semasa mengikut wilayah ekonomi bagi tahun 1980 hingga 2023.

Carta 1: KDNK pada Harga Semasa (USD bilion), 1980 – 2023



Sumber: World Economic Outlook, IMF

Berdasarkan data yang diterbitkan oleh *International Monetary Fund (IMF)*, purata pertumbuhan tahunan ekonomi global dalam tempoh 10 tahun berkembang pada kadar yang lebih perlahan daripada 3.2 peratus bagi tahun 1991-2000 kepada 2.8 peratus pada tahun 2011-2020, disebabkan oleh Ekonomi Maju bertumbuh pada kadar yang perlahan pada 1.3 peratus. Sementara itu, Pasaran Baharu dan Ekonomi Membangun mencatat purata pertumbuhan tahunan sebanyak 4.1 peratus bagi tempoh 2011-2020. Malaysia, yang merekodkan purata pertumbuhan tahunan 7.1 peratus pada tahun 1991-2000, menyederhana kepada 4.0 peratus pada 2011-2020 akibat pandemik COVID-19 pada tahun 2020. Namun, Malaysia menunjukkan pemulihan selepas tahun 2020, meskipun berdepan persekitaran cabaran ekonomi global (**Jadual 1**).

Jadual 1: Pertumbuhan (%) KDNK Sebenar mengikut Negara


Negara	Pertumbuhan KDNK Sebenar (%)							Purata Pertumbuhan Tahunan (%)	
	1980	1990	2000	2010	2020	2023 ^e	2024 ^a	1991 - 2000	2011 - 2020
Pengeluaran Dunia	2.2	3.2	4.8	5.2	-2.7	3.3	3.2	3.2	2.8
Ekonomi Maju	1.3	3.1	4.2	3.1	-4.0	1.7	1.7	2.9	1.3
United States	-0.3	1.9	4.1	2.7	-2.2	2.9	2.8	3.4	1.9
Euro Area	-	-	3.8	2.1	-6.1	0.4	0.8	2.0	0.6
Pasaran Baharu dan Ekonomi Membangun	3.9	3.6	5.6	7.2	-1.8	4.4	4.2	3.7	4.1
China	7.9	3.9	8.5	10.6	2.2	5.2	4.8	10.4	6.8
India	6.7	5.5	3.8	8.5	-5.8	8.2	6.5	5.6	5.1
Indonesia	9.9	9.0	5.0	6.4	-2.1	5.0	5.0	4.2	4.6
Thailand	4.6	11.6	4.5	7.5	-6.1	1.9	2.7	4.5	2.2
Vietnam	-3.5	5.0	6.8	6.4	2.9	5.0	6.1	7.6	6.2
Philippines	5.1	3.0	4.4	7.3	-9.5	5.5	5.8	2.9	4.6
MALAYSIA	7.4	9.0	8.7	7.5	-5.5	3.5	5.1	7.1	4.0
Brazil	9.2	-4.2	4.4	7.5	-3.3	2.9	3.7	2.6	0.3
Mexico	9.5	5.3	5.0	5.0	-8.4	3.2	1.8	3.6	0.9
Saudi Arabia	5.8	9.4	4.7	5.0	-3.6	-0.8	1.4	2.7	3.0
Nigeria	-	-	5.5	11.3	-1.8	2.9	3.1	2.1	2.5
South Africa	6.6	-0.3	4.2	3.0	-6.2	0.7	0.8	1.8	0.8

Sumber: World Economic Outlook, IMF

Nota: e – anggaran

Menurut *International Monetary Fund (IMF)*, Malaysia menduduki tempat ke-37 di peringkat global dari segi saiz ekonomi dengan nilai sebanyak USD399.7 bilion pada tahun 2023. Di peringkat negara ASEAN, Malaysia menyumbang 10.5 peratus kepada keseluruhan ekonomi ASEAN pada tahun 2023 berbanding 15.8 peratus pada tahun 1980 (**Carta 2**). Selain itu, Laporan World Bank 2024 mengklasifikasikan Malaysia sebagai negara berpendapatan menengah atas (*Upper Middle-Income Country*) dengan Pendapatan Negara Kasar (PNK) per kapita pada tahun 2023 berjumlah USD11,970. Kedudukan ini menempatkan Malaysia di tangga ke-69 dunia, semakin hampir mencapai status negara berpendapatan tinggi (*High Income Country*), seperti yang ditetapkan oleh Bank Dunia pada PNK per kapita melebihi paras USD14,005. Walau bagaimanapun, laluan ke status negara berpendapatan tinggi menjadi lebih sukar dalam persekitaran global pada masa kini, yang dipengaruhi oleh pelbagai faktor seperti tahap berhutang yang tinggi dan populasi menua di negara membangun.

Carta 2: Peratus Sumbangan (%) Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Bagi Asean, 1980 & 2023



Sumber: International Monetary Fund (IMF), World Bank (WB)


EVOLUSI EKONOMI

Ekonomi Malaysia

Transformasi ekonomi Malaysia yang pesat dan dinamik telah menunjukkan pencapaian yang signifikan sepanjang lebih lima dekad. Peralihan daripada ekonomi berasaskan pertanian dan komoditi ke arah ekonomi berasaskan pembuatan dan perkhidmatan telah memberi impak besar kepada struktur sosial dan ekonomi negara. Transisi Malaysia daripada ekonomi yang bergantung pada Pertanian dan Perlombongan kepada ekonomi pelbagai sektor didorong oleh beberapa faktor utama, antaranya pengenalan kepada Dasar Ekonomi Baru (DEB) pada tahun 1970. DEB bertujuan untuk mengurangkan kemiskinan dan menyusun semula masyarakat, menumpukan kepada pembangunan perindustrian dan menggalakkan pelaburan dalam sektor Pembuatan, yang membantu mengalihkan fokus ekonomi negara daripada sektor Pertanian dan Perlombongan.

Proses perindustrian yang pesat sejak tahun 1980-an telah memacu kepada peningkatan memberangsangkan dalam sektor Pembuatan melalui pemindahan teknologi dari negara luar. Ini juga telah membuka peluang pekerjaan baharu, seterusnya membantu mengurangkan kadar pengangguran. Urbanisasi juga memainkan peranan penting, apabila pertumbuhan pesat di bandar mendorong permintaan untuk pekerjaan dalam sektor Perkhidmatan dan Pembuatan, serta mengurangkan kebergantungan kepada sektor Pertanian. Struktur ekonomi Malaysia terus berkembang pada tahun 1990-an apabila sektor Perkhidmatan muncul sebagai industri utama, dan kedudukan tersebut kekal hingga ke hari ini. Perkembangan pesat dalam ekonomi digital berikutan pandemik COVID-19 turut mempengaruhi landskap sektor Perkhidmatan (**Carta 3**).

Carta 3: Transformasi Ekonomi Malaysia dalam Tempoh 5 Dekad




Prestasi Ekonomi Malaysia

Malaysia telah berhadapan dengan pelbagai krisis yang memberi impak yang signifikan kepada negara dan rakyat. Semasa ekonomi Malaysia terjejas berikutan daripada Krisis Minyak 1973 dan Krisis Ekonomi 1985, pertumbuhan marginal 0.8 peratus direkodkan pada tahun 1975 dan penyusutan 1.0 peratus pada tahun 1985. Seterusnya, sewaktu Krisis Kewangan Asia (1997-1998) dan Krisis Kewangan Global (2008-2009), prestasi ekonomi Malaysia telah menyusut kepada 7.4 peratus pada tahun 1998 dan 1.5 peratus pada 2009. Mutakhir, pandemik COVID-19 yang telah melanda dunia pada tahun 2020-2021, memberikan kesan secara langsung kepada aspek keselamatan dan kestabilan ekonomi sejagat. Pada tahun 2020, KDNK Malaysia merosot 5.5 peratus berbanding pertumbuhan 4.4 peratus pada tahun 2019. Fasa pemulihan pasca COVID-19 bukanlah sesuatu yang mudah, memandangkan wabak ini telah mengehadkan kegiatan ekonomi dan menjejaskan pengeluaran sektoral menerusi gangguan penawaran dan permintaan. Walau bagaimanapun, ekonomi Malaysia beransur pulih, terus mencatatkan pertumbuhan positif, didorong terutamanya oleh sektor Pembuatan dan beberapa subsektor utama dalam sektor Perkhidmatan. Terkini, KDNK negara bertumbuh 5.1 peratus pada tahun 2024 berbanding 3.6 peratus pada tahun sebelumnya.

Seiring dengan prestasi ekonomi ketika krisis tersebut, Pendapatan Negara Kasar (PNK) per kapita pada tahun 1975 dan 1985 turut terkesan, dengan masing-masing menyusut kepada RM1,757 (1974: RM1,822) dan RM4,531 (1984: RM4,801). Sementara itu, PNK per kapita negara juga menurun pada tahun 1998 dan 2009 masing-masing kepada RM11,996 (1997: RM12,251) dan RM24,880 (2008: RM27,094). Di samping itu, semasa krisis kesihatan global, PNK per kapita pada tahun 2020 turut berkurang kepada RM42,838 daripada RM45,298 pada tahun 2019. Namun, dalam tempoh pasca pandemik, PNK per kapita Malaysia telah menunjukkan trend peningkatan, terutamanya pada tahun 2024, merekodkan RM54,793 berbanding RM52,942 pada tahun 2023. Krisis-krisis utama yang dihadapi dapat dicerminkan dalam statistik KDNK, menunjukkan fasa kemelesetan ekonomi yang dilalui oleh negara, seperti ditunjukkan di **Carta 4**.

Carta 4: Prestasi Ekonomi dan PNK Per Kapita Malaysia, 1971-2024




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)

Struktur Ekonomi Malaysia

Pada tahun-tahun awal selepas kemerdekaan, sektor Perkhidmatan dan Pertanian adalah antara penyumbang utama kepada ekonomi Malaysia, dengan sumbangan masing-masing sebanyak 42.6 peratus dan 28.8 peratus pada tahun 1970, berbanding sektor Pembuatan 14.6 peratus. Bagi sektor Pertanian, tanaman utama seperti getah dan kelapa sawit, serta aktiviti pertanian lain seperti padi, sayur-sayuran dan buah-buahan memberi sumbangan ketara kepada pertumbuhan ekonomi negara. Walau bagaimanapun, apabila negara mula mempelbagaikan ekonominya dan beralih ke arah sektor perindustrian untuk meningkatkan pendapatan negara dan memperluaskan peluang pekerjaan, struktur ekonomi telah mengalami perubahan terutamanya pada tahun 1990. Dalam tempoh tersebut, sektor Pembuatan muncul sebagai penyumbang kedua terbesar selepas sektor Perkhidmatan, merangkumi 24.6 peratus kepada KDNK, mengatasi sektor Pertanian yang menyumbang 16.3 peratus.

Sektor Perkhidmatan dan Pembuatan di Malaysia terus diperkukuhkan melalui pelbagai dasar Baharu yang diperkenalkan seperti Dasar Pembangunan Nasional, Dasar Perindustrian Negara dan Dasar Transformasi Negara. Kerajaan juga komited untuk merealisasikan revolusi digital dan mentransformasi teknologi bagi pembangunan sosioekonomi rakyat dan negara. Melalui komitmen ini, sektor Perkhidmatan dan Pembuatan kekal kukuh dan menjadi antara penyumbang terbesar kepada ekonomi Malaysia sehingga kini, dengan masing-masing menyumbang sebanyak 59.4 peratus dan 23.1 peratus pada tahun 2024. Jumlah sumbangan kedua-dua sektor tersebut telah melebihi 80 peratus kepada ekonomi Malaysia. Selain itu, sektor Pertanian menyumbang 6.3 peratus, manakala sektor Perlombongan & pengkuarian dan Pembinaan masing-masing menyumbang 6.0 peratus dan 4.0 peratus pada tahun yang sama (**Carta 5**).

Carta 5: Peratus Sumbangan (%) Aktiviti Ekonomi kepada KDNK pada Harga Malar




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)

Nota: Tidak termasuk duti import

Dari perspektif permintaan, pertumbuhan ekonomi terus diterajui oleh permintaan dalam negara, dipacu oleh aktiviti Perbelanjaan isi rumah dan disokong oleh Perbelanjaan aset tetap yang kukuh. Di awal 1970-an, Perbelanjaan Penggunaan Akhir Swasta (PFCE) dan Perbelanjaan Penggunaan Akhir Kerajaan (GFCE) merupakan penyumbang utama kepada KDNK dengan masing-masing menyumbang 60.0 peratus dan 18.3 peratus. Ini diikuti oleh Pembentukan Modal Tetap Kasar (PMTK) yang menyumbang 17.5 peratus pada tahun tersebut.

Struktur ekonomi negara kemudiannya berkembang apabila PFCE dan PMTK menjadi peneraju utama lebih lima dekad, dengan kedua-duanya menyumbang sekitar 80.0 peratus kepada KDNK sehingga kini. Ini dapat ditunjukkan pada tahun 2024, yang mana PFCE menyumbang 60.7 peratus, diikuti oleh PMTK sebanyak 21.4 peratus. Sementara itu, GFCE dan Eksport bersih masing-masing menyumbang 13.2 peratus dan 4.2 peratus. Perubahan ini menunjukkan prestasi yang memberangsangkan di sektor swasta, didorong terutamanya oleh aktiviti Perbelanjaan aset yang tinggi selain sentimen pengguna yang positif dan kedudukan perniagaan yang menggalakkan (**Carta 6**).

Carta 6: Peratus Sumbangan (%) Perbelanjaan kepada KDNK pada Harga Malar




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)

Nota: Tidak termasuk perubahan dalam inventori & barangan berharga dan perbezaan statistik

Dari perspektif Pendapatan yang diterima dari faktor pengeluaran, Lebihan Kendalian Kasar (LKK) terus menjadi komponen utama dengan purata sumbangan melebihi 60.0 peratus bagi tempoh 2005 sehingga 2023. Ini diikuti oleh Pampasan Pekerja (PP), dengan purata sumbangan melebihi 30.0 peratus berbanding tempoh yang sama.

Mutakhir ini, Kerajaan telah menambahbaik struktur gaji dan upah pekerja dengan memperkenalkan pelbagai dasar seperti Dasar Gaji Minimum dan Dasar Gaji Progresif bagi mengurangkan jurang dan ketidaksamaan pendapatan antara majikan dan pekerja. Hasilnya, sumbangan PP telah meningkat daripada 29.5 peratus pada tahun 2005 kepada 33.1 peratus pada tahun 2023. Sementara itu, Cukai tolak Subsidi mencatatkan sumbangan 2.1 peratus (2005: 4.5%) dalam tempoh yang sama (**Carta 7**).

Carta 7: Peratus Sumbangan (%) Komponen Pendapatan kepada KDNK pada Harga Semasa



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)

Transformasi Pertanian Malaysia: Antara Tradisi, Teknologi dan Keterjaminan Makanan

Sektor Pertanian merupakan penyumbang utama kepada pertumbuhan ekonomi negara sejak era pra-kemerdekaan hingga kini. Dari tahun 1970 hingga 2024, sektor ini telah melalui pelbagai fasa transformasi dan evolusi yang mencerminkan peranannya dalam pembangunan negara.

Pada dekad 1970-an, sektor Pertanian menjadi tunjang ekonomi negara dengan komoditi utama seperti getah, kelapa sawit dan padi. Pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB) pada tahun 1971 menekankan pembangunan sektor Pertanian sebagai strategi pengurangan kemiskinan, khususnya dalam kalangan masyarakat luar bandar. Agensi seperti FELDA dan RISDA memainkan peranan penting dalam pembangunan tanah dan meningkatkan hasil pertanian. Pada tahun 1970, sektor Pertanian menyumbang sebanyak 28.8 peratus kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) negara.


Sepanjang tahun 1980-an, kerajaan telah memperkenalkan Dasar Pertanian Negara (DPN2) yang bertujuan meningkatkan produktiviti dan memodenkan sektor Pertanian. Sektor ini terus berkembang dengan pembukaan ladang berskala besar dan penggunaan teknologi moden. Walaupun ekonomi negara mula beralih kepada sektor perindustrian, sumbangan sektor Pertanian kepada KDNK pada dekad ini kekal signifikan, sekitar 20.0 peratus.

Menjelang dekad 1990-an, Dasar Pertanian Negara Kedua (DPN2) diperkenalkan dengan penekanan terhadap peningkatan kecekapan dan kepelbagaian hasil pertanian. Sektor ini mula menumpukan perhatian kepada industri hiliran, termasuk pemprosesan makanan dan pembangunan bioteknologi pertanian. Namun, berikutan pertumbuhan pesat dalam sektor Pembuatan dan Perkhidmatan, sumbangan pertanian kepada KDNK menurun kepada 16.3 peratus pada tahun 1990, dengan nilai sebanyak RM17,308 juta.

Dasar Pertanian Negara Ketiga (DPN3) telah diperkenalkan pada awal tahun 2000-an untuk menggalakkan penggunaan teknologi tinggi dalam pertanian, seperti sistem fertigasi, mekanisasi, dan bioteknologi. Pada masa yang sama, Malaysia memperluas pasaran eksport bagi produk pertanian, termasuk minyak sawit dan hasil perikanan. Sumbangan sektor Pertanian kepada KDNK pada tahun 2000 adalah 8.6 peratus, bersamaan RM30,647 juta.

Memasuki dekad 2010-an, sektor Pertanian mengalami transformasi ketara dengan pengenalan konsep pertanian pintar dan pendigitalan. Dasar Agromakanan Negara (DAN) telah dilaksanakan bagi memperkukuh keterjaminan makanan negara dan meningkatkan daya saing global sektor ini. Penggunaan teknologi seperti kecerdasan buatan (AI), Internet Benda (*Internet of Things* - IoT) dan dron telah meningkatkan kecekapan dan produktiviti. Kerajaan turut melaksanakan pelbagai inisiatif seperti Program Smart Farming dan Agropreneur Muda bagi menarik penglibatan generasi muda. Walaupun demikian, sumbangan sektor Pertanian kepada KDNK terus menurun kepada sekitar 7.0 peratus, mencerminkan peralihan struktur ekonomi negara kepada sektor Pembuatan dan Perkhidmatan.

Carta 8: Trend Pertumbuhan KDNK Sektor Pertanian, Malaysia, 1987-2024




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Carta 8 menunjukkan pertumbuhan KDNK sektor Pertanian Malaysia dari tahun 1987 hingga unjuran tahun 2024. Secara keseluruhan, statistik ini mencerminkan peningkatan ketara terutamanya selepas tahun 2000, yang sejajar dengan pelaksanaan Dasar Pertanian Negara Ketiga (DPN3) serta perluasan pasaran eksport seperti minyak sawit dan hasil perikanan. Kenaikan mendadak pada dekad 2010-an turut menggambarkan kesan positif pelaksanaan teknologi moden serta inisiatif pertanian pintar. Walaupun peratusan sumbangan kepada KDNK menurun secara relatif, nilai mutlak output sektor ini terus meningkat.

Keterjaminan makanan adalah penting bagi memenuhi keperluan tempatan. Dalam era globalisasi, eksport dan import agromakanan memainkan peranan utama dalam memastikan bekalan makanan negara terjamin serta menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi melalui perdagangan antarabangsa. Malaysia mengesport agromakanan berjumlah RM46,373.9 juta pada 2023 seperti Kopi, Koko, Teh, Rempah dan Keluaran (RM11,165.6 juta), Bijirin dan Sediaan Bijirin (RM5,50.6 juta) dan Produk Perikanan (RM4,095.2 juta) ke pasaran global. Pada masa yang sama, negara turut mengimport agromakanan bernilai RM78,694.8 juta pada 2023. Antara barangan import adalah seperti bahan makanan ternakan (RM8,435.3 juta), Sayur-sayuran (RM7,035.7 juta) dan Daging dan Sediaan Daging (RM7,100.9 juta) untuk menampung pengeluaran domestik. Keseimbangan antara eksport dan import agromakanan adalah sangat penting bagi industri makanan dan daya saing sektor Pertanian Malaysia di peringkat antarabangsa.

Carta 9: Eksport dan Import Agromakanan, 2020-2023



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Carta 9 memaparkan prestasi eksport dan import agromakanan Malaysia dari tahun 2020 hingga 2023, menunjukkan bahawa import secara konsisten melebihi eksport sepanjang tempoh tersebut. Trend peningkatan import produk agromakanan mencerminkan kebergantungan Malaysia yang semakin tinggi terhadap sumber makanan luar negara untuk menjamin keterjaminan makanan negara.

Menuju ke hadapan, kemajuan sesebuah negara semakin dinilai berdasarkan tahap kecukupan dan keterjaminan makanannya. Justeru, dasar-dasar kerajaan yang tidak memberi nilai tambah perlu dikaji semula bagi memastikan pengeluaran makanan negara meningkat dan mengurangkan kebergantungan import makanan yang semakin meningkat. Kerajaan dan agensi berkaitan disaran untuk menerajui keseluruhan rantai nilai makanan negara, bukan sahaja dalam aspek pengeluaran tetapi juga dalam aspek pengedaran, pemprosesan, dan pemasaran. Pendekatan baharu yang inovatif perlu diterapkan bagi memastikan cabaran keterjaminan makanan dapat diatasi, khususnya menjelang tahun 2050 apabila populasi negara dijangka mencecah 50 juta orang. Peralihan daripada amalan pertanian konvensional kepada pendekatan berteknologi tinggi dilihat sebagai langkah kritikal dalam memenuhi permintaan makanan yang semakin meningkat.

Kesimpulannya, walaupun peratusan sumbangan sektor Pertanian kepada KDNK telah mengalami penurunan dari segi relatif, peranannya dalam memastikan keterjaminan makanan, pembangunan luar bandar dan keseimbangan ekonomi tetap signifikan. Dengan dasar-dasar yang proaktif serta adaptasi teknologi moden seperti kaedah pertanian kaedah pertanian menegak, kilang sayur (*vege factories*), penanaman atas bumbung, akuaponik, hidroponik, aeroponik dan sebagainya, sektor ini dijangka terus menyumbang secara strategik kepada pembangunan mampan ekonomi negara.

Evolusi Sektor Pembuatan di Malaysia

Mengimbau evolusi sektor Pembuatan di Malaysia, sektor ini pada asalnya menumpukan kepada industri asas seperti pemprosesan makanan, tekstil dan barangan pengguna. Dasar Ekonomi Baru, yang telah diperkenalkan pada 1971, dan beberapa siri pelan induk perindustrian yang digariskan bagi hala tuju bagi pembangunan perindustrian negara dengan menggariskan strategi dan dasar utama yang bertujuan untuk memacu pertumbuhan ekonomi, meningkatkan daya saing, dan menggalakkan amalan mampan dalam sektor perindustrian. Dasar ini menekankan pembangunan infrastruktur dan menggalakkan industri utama yang berorientasikan eksport seperti elektronik, produk elektrik, alat ganti automotif dan bahan kimia.

Di samping itu, bermula dari tahun 1982, perindustrian di Malaysia dipacu oleh “Dasar Pandang ke Timur”, yang bertujuan untuk mencontohi model kejayaan ekonomi negara-negara Asia Timur. Dasar ini, berserta dengan penubuhan zon perindustrian antaranya Zon Perdagangan Bebas Bayan Lepas dan Zon Perdagangan Bebas Pasir Gudang, telah menarik pelaburan langsung asing (FDI) serta menggalakkan industri pembuatan berorientasikan eksport.

Pelan Induk Perindustrian Pertama (IMP1) (1986-1995) telah dilancarkan bagi meletakkan Malaysia sebagai negara perindustrian baharu dengan mengutamakan pertumbuhan perindustrian, mempergiatkan aktiviti pembuatan, dan membangunkan keupayaan sumber manusia. Pelancaran IMP1 telah memainkan peranan penting dalam penyusunan semula ekonomi dan pembentukan semula sektor Pembuatan ke arah fasa perindustrian.

Pelan Induk Perindustrian Kedua (IMP2) (1996-2005) meneruskan usaha Malaysia untuk mengukuhkan sektor perindustrian dan mengubah ekonomi Negara berdasarkan kejayaan dan pengajaran yang diperolehi daripada IMP1. Subsektor utama yang disasarkan di bawah sektor Pembuatan untuk kedua-dua IMP1 dan IMP2 termasuk Makanan dan minuman, Produk kayu, Produk getah, Kimia dan produk kimia, Industri pembuatan logam dan jentera asas.


Pelan Induk Perindustrian Ketiga (IMP3) (2006-2020) digubal bagi menangani cabaran kepantasan evolusi teknologi yang pesat dan keperluan mendesak untuk tenaga kerja mahir yang mampu memacu industri seperti bioteknologi, ICT, aeroangkasa dan pembuatan termaju. Ini memerlukan sistem pendidikan dan program latihan vokasional yang sejajar dengan keperluan pasaran kontemporari dan memupuk pembelajaran sepanjang hayat. Dengan hasrat untuk membina kekuatan industri E&E yang mantap, IMP3 menyasarkan untuk meningkatkan nilai rantaian dengan menumpukan pada produk dan komponen berteknologi tinggi termasuk semikonduktor, elektronik pengguna, elektronik automotif dan automasi industri.

Pada tahun 2020, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) telah menggubal beberapa pelan hala tuju bagi menyokong penggunaan teknologi digital. Ini termasuk Pelan Hala Tuju Robotik Kebangsaan, Pelan Hala Tuju Kecerdasan Buatan Kebangsaan, National Blockchain Roadmap, Pelan Hala Tuju Dasar dan Strategi Nanoteknologi Negara, Pelan Hala Tuju Teknologi Bahan Termaju Nasional dan Pelan Hala Tuju Elektrik dan Elektronik (E&E). Terdahulu, pembangunan industri E&E adalah berpandukan kepada Rancangan Malaysia Ke-12, 2021-2025 (RMKe-12); Pelan Hala Tuju Industri Solar Malaysia 2030; Industri4WRD: Dasar Negara mengenai Industri 4.0.

Pelan Induk Perindustrian Baharu Malaysia 2030 (“NIMP 2030”) telah digubal oleh Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri dan telah dilancarkan pada 1 September 2023. NIMP yang merupakan dasar perindustrian untuk sektor Pembuatan dan sektor Perkhidmatan berkaitan pembuatan bertujuan untuk menyediakan hala tuju strategik negara untuk menerajui dasar pembangunan perindustrian di Malaysia. Sebanyak 21 sektor yang difokuskan dengan lima (5) sektor yang diutamakan iaitu sektor Aeroangkasa, Kimia, Elektrik dan Elektronik, Farmaseutikal dan Peranti Perubatan yang bertindak sebagai pemangkin dalam mencapai enam (6) matlamat yang digariskan oleh NIMP.

Sumbangan sektor Pembuatan mencatatkan peningkatan yang ketara bagi sumbangan ekonominya, daripada 19.8 peratus pada tahun 1987 kepada sumbangan tertinggi iaitu 30.0 peratus pada tahun 2000. Walau bagaimanapun, semasa ekonomi Malaysia menghadapi kemelesetan berikutan krisis kewangan global pada tahun 2009, sumbangan sektor Pembuatan menyusut kepada 24.2 peratus, dan seterusnya dari tahun 2010 hingga tahun 2024, sumbangan Pembuatan berada di antara 22.2 peratus hingga 23.1 peratus (**Carta 10**).

Carta 10: Sumbangan Sektor Pembuatan kepada Ekonomi Malaysia, 1987 - 2024



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)

Evolusi Sektor Pembinaan

Sektor Pembinaan di Malaysia telah mengalami evolusi pesat sejak tahun 1980-an, dipacu oleh dasar-dasar kerajaan yang menyokong pembangunan infrastruktur, perumahan, dan projek mega. Pada dekad 1980-an, pertumbuhan ekonomi negara yang pesat mendorong pembangunan sektor ini melalui Dasar Ekonomi Baru (DEB), yang memberi penekanan kepada pembangunan infrastruktur dan perumahan mampu milik. Projek-projek penting seperti Lebuhraya Utara-Selatan dan skim perumahan kos rendah mula diperkenalkan untuk meningkatkan mobiliti dan kesejahteraan rakyat. Pada awal 1990-an, kerajaan memperkenalkan program penswastan melalui Dasar Penswastan Nasional, yang menggalakkan penglibatan sektor swasta dalam projek pembinaan utama seperti KLIA, Menara Petronas, dan Putrajaya. Namun, Krisis Kewangan Asia 1997 memberi impak besar kepada sektor Pembinaan, menyebabkan banyak projek tergendala dan harga bahan binaan melonjak.


Memasuki era 2000-an, sektor Pembinaan kembali pulih dengan sokongan dasar kerajaan seperti Rancangan Malaysia Kelapan (RMK-8) dan program koridor ekonomi seperti Iskandar Malaysia dan Koridor Ekonomi Pantai Timur (ECER). Pembangunan infrastruktur berskala besar diteruskan, termasuk pembinaan Lebuhraya SMART dan KL Sentral, yang mengukuhkan kecekapan bandar. Pada masa yang sama, kerajaan mula menggalakkan penggunaan teknologi moden seperti Sistem Binaan Berindustri (IBS) untuk meningkatkan kecekapan dan mengurangkan kos pembinaan. Ini selaras dengan Dasar Perumahan Negara, yang menekankan pembangunan perumahan mampu milik serta keseimbangan antara penawaran dan permintaan dalam sektor hartanah. Sektor Pembinaan telah mengalami peningkatan berterusan, dengan nilai output kasar meningkat lima kali ganda kepada RM212.5 bilion pada 2019. Sejarai dengan itu, bilangan pekerja dalam sektor ini meningkat kepada 1.30 juta orang. Walau bagaimanapun, berikutan pandemik COVID-19, nilai output kasar bagi sektor ini menyusut kepada RM173.3 bilion pada 2020 dan terus menurun kepada RM170.8 bilion pada 2021. Keadaan ini menyebabkan bilangan pekerja menurun kepada 1.24 juta orang pada 2020 dan berkurang kepada 1.19 juta orang pada tahun berikutnya.

Pada era 2010-an, sektor Pembinaan di Malaysia mengalami transformasi digital dengan pengenalan teknologi pintar seperti *Building Information Modeling* (BIM) dan penggunaan bahan binaan hijau bagi menyokong pembangunan lestari. Dasar seperti Indeks Bangunan Hijau (GBI) dan Pelan Induk Industri Pembinaan (CITP) 2016-2020 telah mempercepatkan penggunaan amalan pembinaan mampan. Projek mega seperti MRT, LRT3, dan Lebuhraya Pan Borneo menjadi pemacu utama pertumbuhan, disokong oleh pelaburan kerajaan dan swasta. Namun, ketidaktentuan ekonomi global dan peningkatan kos bahan binaan memberikan cabaran kepada industri, memerlukan inovasi dalam teknologi dan pendekatan yang lebih cekap dalam pengurusan projek.

Tahun 2020 merupakan cabaran besar bagi sektor Pembinaan akibat pandemik COVID-19, yang menyebabkan gangguan rantaian bekalan, peningkatan kos buruh, dan kelewatan projek. Kesan pandemik yang berpanjangan sejak 2020 telah memberi impak teruk kepada subsektor Kejuruteraan awam disebabkan oleh sekatan pergerakan yang ketat, di mana ia mengganggu aktiviti pembinaan dan melambatkan pelaksanaan projek, di samping kekurangan tenaga buruh. Hanya projek-projek berskala kecil sahaja dibenarkan beroperasi dalam tempoh masa tersebut, justeru, subsektor aktiviti pertukangan khas berkembang pesat pada tahun 2021, menjadi penyumbang utama kepada sektor Pembinaan. Namun, pemulihan ekonomi pasca pandemik telah mendorong sektor ini ke arah pembinaan digital dan automasi, disokong oleh inisiatif kerajaan seperti Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) dan Dasar Ekonomi Digital Malaysia (MyDIGITAL). Pembangunan infrastruktur seperti Jendela bagi rangkaian 5G serta peralihan kepada amalan pembinaan hijau menjadi fokus utama dalam memastikan daya saing sektor Pembinaan di Malaysia. Dengan penerapan teknologi pintar dan peningkatan pelaburan dalam projek infrastruktur strategik, sektor Pembinaan kini bergerak ke arah lebih mampan dan berdaya saing dalam era globalisasi.

Sumbangan sektor Pembinaan kepada ekonomi Malaysia menunjukkan trend meningkat daripada 3.5 peratus pada tahun 1987 kepada 4.7 peratus pada tahun 2015 dan menyumbang 4.0 peratus pada tahun 2024 (Carta 11).

Carta 11: Sumbangan Sektor Pembinaan kepada Ekonomi Malaysia, 1987-2024



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)


Evolusi Sektor Perlombongan Dan Pengkuarian

Selepas kemerdekaan, aktiviti perlombongan di Malaysia semakin berkembang, termasuk pengestrakan mineral seperti emas, bauksit, dan bijih besi. Sementara itu, pengeluaran timah, salah satu industri perlombongan terawal di negara ini, merosot pada tahun 1980-an disebabkan oleh kejatuhan harga global dan kekurangan deposit yang mudah diakses. Selain itu, tumpuan diberikan kepada pengeluaran petroleum dan gas asli bernilai tinggi berlaku selaras dengan Akta Perlombongan Petroleum 1966 (Akta 95). Sejak itu, sektor ini terus berkembang dan kemudiannya menjadi salah satu lubuk strategik untuk pembangunan ekonomi negara.

Pada pertengahan tahun 2010-an, Malaysia muncul sebagai pengeluar bauksit yang signifikan, terutamanya di negeri Pahang. Peningkatan mendadak dalam pengeluaran bauksit ini didorong oleh peningkatan permintaan global, terutamanya dari China, yang telah menjadi pengguna bauksit terbesar di dunia disebabkan oleh industri aluminium yang berkembang pesat, menyokong ekonomi negara tersebut yang sedang membangun. Walau bagaimanapun, perkembangan pesat dalam perlombongan bauksit ini menimbulkan kebimbangan alam sekitar yang serius. Sehubungan itu, kerajaan kemudiannya mengenakan larangan sementara ke atas perlombongan bauksit dari Januari 2016 hingga Mac 2019 untuk menangani isu-isu alam sekitar ini.

Dalam beberapa tahun kebelakangan ini, sektor Perlombongan dan pengkuarian telah memainkan peranan penting dalam memacu pertumbuhan ekonomi Malaysia secara keseluruhan, seperti yang ditunjukkan oleh sumbangan besarnya kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) negara. Sektor Perlombongan dan pengkuarian menyumbang 6.0 peratus kepada jumlah KDNK pada tahun 2024, berbanding 6.2 peratus pada tahun 2023. Sementara itu, KDNK sektor ini berjumlah RM 98.4 juta pada harga malar pada tahun 2024, meningkat daripada RM97.5 juta pada tahun sebelumnya (**Carta 12**).

Carta 12: Sumbangan Sektor Perlombongan dan Pengkuarian kepada Ekonomi Malaysia, 1987 - 2024



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)


Lima Puluh Tahun Transformasi dalam Landskap Borong & Runcit Malaysia

Dalam tempoh beberapa dekad yang lalu, Malaysia telah mengalami transformasi ekonomi yang ketara, beralih daripada ekonomi berasaskan pertanian kepada ekonomi yang dipacu oleh perindustrian dan sektor Perkhidmatan. Hari ini, sektor Perkhidmatan menjadi pemangkin utama pertumbuhan ekonomi Malaysia, menyumbang secara signifikan kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), peluang pekerjaan dan pelaburan langsung asing (FDI). Seiring perubahan dinamik ini, industri Perdagangan borong & runcit telah muncul sebagai penyumbang ekonomi utama, dipengaruhi oleh perubahan tingkah laku pengguna, kadar urbanisasi yang pesat dan sokongan dasar kerajaan. Artikel ini mengupas evolusi sektor Perkhidmatan Malaysia, pembangunan landskap peruncitannya dan kesan gabungan kedua-duanya terhadap daya tahan ekonomi jangka panjang negara.

Daripada Pertanian kepada Dominasi Perkhidmatan

Pada tahun-tahun awal selepas kemerdekaan, ekonomi Malaysia sangat bergantung kepada sektor Pertanian, dengan getah dan kelapa sawit menyumbang secara signifikan kepada KDNK dan pendapatan eksport. Pada tahun 1970, sektor Pertanian merangkumi hampir 30 peratus daripada KDNK (**Carta 13**), dan sebahagian besar penduduk bekerja dalam sektor ini. Namun begitu, menyedari keperluan untuk mempelbagaikan ekonomi, kerajaan telah memperkenalkan Dasar Ekonomi Baru (DEB) pada tahun 1971, bertujuan untuk mengurangkan jurang ekonomi dan menggalakkan perindustrian.

Carta 13: Komposisi KDNK Malaysia mengikut Sektor, 1970 – 2024



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)

Menjelang 1980-an dan 1990-an, sektor Pembuatan muncul sebagai pemacu utama pertumbuhan ekonomi, disokong oleh dasar seperti Pelan Induk Perindustrian (IMP). Kebangkitan sektor elektrik dan elektronik (E&E), khususnya di Zon Perdagangan Bebas Pulau Pinang, telah melonjakkan Malaysia ke dalam rantai bekalan global. Namun, seiring dengan perubahan ekonomi global, tumpuan Malaysia mula beralih kepada sektor Perkhidmatan, selari dengan trajektori ekonomi negara-negara maju.

Kebangkitan Sektor Perkhidmatan

Hari ini, sektor Perkhidmatan merupakan tunjang utama ekonomi Malaysia. Menurut Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), sektor ini telah mengalami transformasi luar biasa, dengan sumbangannya kepada KDNK meningkat daripada 42.6 peratus pada tahun 1970 kepada 59.3 peratus pada tahun 2023 dan 59.4 peratus pada tahun 2024. Pertumbuhan ini menekankan peranan penting sektor Perkhidmatan dalam memacu kepelbagaian ekonomi, dengan kira-kira 65.0 peratus daripada jumlah keseluruhan pekerjaan diwujudkan dalam segmen ini, sekali gus menunjukkan kepentingannya dalam menggalakkan penyertaan ekonomi yang inklusif.

Beberapa subsektor dinamik dengan pertumbuhan yang tinggi telah muncul sebagai pemangkin kepada perubahan struktur sektor Perkhidmatan. Ini termasuk perkhidmatan Kewangan, Teknologi maklumat & komunikasi (ICT), Pelancongan, Peruncitan dan Profesional. Satu pencapaian penting telah direkodkan pada tahun 2016 apabila Malaysia mengatasi Iran untuk menjadi peneraju global dalam perbankan dan kewangan Islam (IBF), seperti yang dinyatakan dalam *Global Islamic Finance Report* (GIFR 2016). Kedudukan Malaysia dalam Indeks Kewangan Islam Negara (IFCI) meningkat daripada 73.1 pada tahun 2015 kepada 77.8 pada tahun 2016, mengatasi Iran yang mencatatkan 77.4 mata. Ini menandakan peralihan penting dalam kepimpinan kewangan Islam global, yang menjadi bukti kepada rangka kerja institusi dan peraturan yang proaktif di Malaysia.

Seiring dengan kepimpinannya dalam kewangan Islam, Malaysia turut mencatat kemajuan ketara dalam mengadaptasi ekonomi digital. Menjelang tahun 2023, sektor digital menyumbang sebanyak 23.5 peratus kepada KDNK, didorong oleh pertumbuhan pesat dalam e-dagang dan perkhidmatan berasaskan ICT (DOSM, 2023). Momentum ini terus diperkukuh melalui pelaburan strategik dalam infrastruktur digital, terutamanya di Lembah Klang dan Johor. Kawasan-kawasan ini telah menjadi hab menarik bagi syarikat teknologi antarabangsa untuk menubuhkan pusat data serantau, sekali gus mengukuhkan kedudukan Malaysia sebagai pusat digital dan teknologi yang kompetitif di Asia Tenggara.

Pertumbuhan berterusan sektor Perkhidmatan Malaysia didorong oleh beberapa pemacu strategik:

1. Dasar Liberalisasi dan Kepelbagaian Ekonomi

Liberalisasi sektor Perkhidmatan di Malaysia bermula pada tahun 2009 dengan penghapusan sekatan ekuiti ke atas 27 sub-sektor seperti yang ditunjukkan dalam **Paparan 1**. Ini menandakan satu perubahan dasar yang dirancang untuk meningkatkan penyertaan pelabur asing dan merangsang dinamik persaingan. Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) menerajui usaha ini sebagai sebahagian daripada strategi menyeluruh untuk menyelaraskan Malaysia dengan trend pelaburan global. Pada tahun 2011, kerajaan memperluaskan inisiatif ini untuk merangkumi tujuh lagi sektor perkhidmatan utama, dengan membenarkan pemilikan ekuiti asing sepenuhnya. Arah tuju dasar ini mencerminkan hasrat yang jelas untuk mempertingkatkan aliran masuk modal serta menggalakkan pemindahan pengetahuan dan teknologi melalui kepakaran asing. Proses liberalisasi ini disokong oleh strategi nasional yang komprehensif, termasuk Pelan Induk Sektor Perkhidmatan (2015-2025) dan Rancangan Malaysia Kedua Belas (2021-2025). Rangka kerja ini menekankan pembaharuan peraturan, penggunaan teknologi digital dan penambahbaikan infrastruktur. Objektifnya adalah untuk menempatkan semula sektor Perkhidmatan sebagai pemacu utama pertumbuhan ekonomi dan daya saing global.

Paparan 1: Liberalisasi dalam Subsektor Perkhidmatan



Sumber: Kementerian Pelaburan, Perdagangan & Industri

Usaha liberalisasi dalam subsektor tertentu seperti perkhidmatan guaman dan perakaunan, logistik dan pengedaran, penjagaan kesihatan swasta serta pendidikan tinggi telah memainkan peranan penting dalam memperbaiki iklim pelaburan di Malaysia. Pembaharuan ini telah meningkatkan ketelusan, menambah baik kualiti Perkhidmatan dan mengurangkan halangan kemasukan bagi firma antarabangsa. Menjelang tahun 2023, sektor Perkhidmatan telah menyumbang sebanyak 53.1 peratus kepada jumlah kedudukan pelaburan langsung asing Malaysia (DOSM, 2024). Trend peningkatan ini menandakan kepentingan strategik sektor Perkhidmatan yang semakin berkembang dalam menarik modal luar dan menyokong daya tahan makroekonomi. Tambahan pula, peningkatan integrasi Malaysia dalam rantai nilai global turut disertakan dengan peningkatan ketara pertumbuhan eksport berkaitan perkhidmatan, yang mencapai RM195.0 bilion pada tahun 2023 (DOSM, 2024). Prestasi ini menunjukkan bahawa agenda liberalisasi negara bukan sahaja berjaya menarik pelaburan asing malah telah meningkatkan keupayaan eksport sektor ini. Secara keseluruhan, sektor Perkhidmatan telah menjadi tonggak utama dalam transformasi ekonomi Malaysia dan penglibatan berterusan negara dalam ekonomi global.

2. Transformasi Digital dan Ledakan E-Dagang

Penerimaan digital yang dipercepatkan telah mengubah landskap sektor Perkhidmatan di Malaysia, mendorong perubahan struktur merentasi pelbagai industri. Dengan kadar penembusan internet melebihi 90.0 peratus dan langganan jalur lebar mudah alih mencecah 44.5 juta pada tahun 2022, platform digital telah membolehkan perluasan pesat dalam e-dagang dan perkhidmatan kewangan digital. Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC) menjangkakan bahawa ekonomi digital akan menyumbang sebanyak 25.5 peratus kepada KDNK menjelang tahun 2025, mencerminkan peranannya yang semakin penting dalam ekonomi negara.

Transformasi digital ini bukan sahaja meningkatkan produktiviti, malah turut mewujudkan peluang ekonomi baharu, terutamanya melalui kemunculan perusahaan berasaskan teknologi. Ekonomi digital Malaysia semakin dibentuk oleh ekosistem syarikat pemula yang rancak, yang secara aktif mengubah pasaran tradisional melalui teknologi inovatif dan model perniagaan yang cekap. Pada masa ini, negara mempunyai lebih daripada 2,000 syarikat pemula, dengan sektor e-dagang dan pasaran dalam talian merangkumi kira-kira 25.0 peratus daripada jumlah keseluruhan tersebut. Pada tahun 2022 sahaja, syarikat pemula Malaysia memperoleh pembiayaan swasta sebanyak USD665 juta, dengan usaha dalam e-dagang dan pasaran dalam talian menarik hampir separuh daripada jumlah pelaburan tersebut (Twimbit, 2023). Lonjakan dalam aktiviti keusahawanan ini menekankan peranan penting inovasi digital dalam memacu pertumbuhan sektor Perkhidmatan ke fasa seterusnya.

3. Perkembangan Data Centre

Landskap sektor Perkhidmatan di Malaysia sedang mengalami transformasi yang ketara, didorong oleh penerapan digital yang pesat, pembaharuan dasar strategik dan lonjakan pelaburan global. Sektor ini yang telah lama menjadi tonggak ekonomi negara, kini berada di barisan hadapan dalam revolusi digital Asia Tenggara. Dalam tempoh sepuluh bulan pertama tahun ini, Malaysia telah menarik pelaburan digital berjumlah RM141.72 bilion, iaitu tiga kali ganda jumlah bagi tahun 2023 (MIDA, 2024). Momentum ini telah meletakkan negara sebagai peneraju serantau, menarik gergasi teknologi global seperti Microsoft, AWS, Google dan Oracle dengan jumlah pelaburan kolektif melebihi USD 23.3 bilion (MIDA, 2024). Laporan Penyelidikan Pusat Data oleh Knight Frank 2024 mengesahkan dominasi Malaysia, apabila negara ini sekali lagi menduduki tempat pertama dalam Indeks Peluang Pusat Data SEA-5 untuk tahun kedua berturut-turut. Dengan rekod penggunaan tahunan tertinggi sebanyak 429MW, Malaysia kini mendahului dari segi kesiapsiagaan infrastruktur serantau dan kapasiti digital. Perkembangan ini tertumpu di koridor pertumbuhan tinggi seperti Lembah Klang dan Johor, yang menawarkan infrastruktur digital bertaraf dunia, bekalan tenaga yang stabil dan dasar mesra pelabur. Inisiatif seperti *Green Lane Pathway* dan *Corporate Renewable Energy Supply Scheme* (CRESS) telah mempercepatkan proses peraturan dan memudahkan akses kepada tenaga lestari, sekali gus menawarkan insentif penting bagi pembangunan pusat data yang menggunakan tenaga tinggi.

4. Pelancongan dan Ekosistem Hospitaliti

Pelancongan terus memainkan peranan penting dalam sektor Perkhidmatan di Malaysia, berfungsi sebagai pemacu utama aktiviti ekonomi, pendapatan pertukaran asing dan penajaan peluang pekerjaan. Sejak Tahun Melawat Malaysia pertama pada tahun 1990, yang telah menarik 7.4 juta pelancong antarabangsa, sektor ini telah mengalami perkembangan yang ketara. Ketibaan pelancong mencapai kemuncaknya pada tahun 2019 dengan 26.1 juta pelancong, menjana hasil sebanyak RM86.1 bilion, sekali gus menekankan keupayaan sektor ini untuk menyumbang secara signifikan kepada ekonomi negara. Menjelang tahun 2023, kesan ekonomi sektor pelancongan telah berkembang dengan pesat, menyumbang RM275.8 bilion kepada KDNK negara, bersamaan 15.1 peratus daripada jumlah KDNK (DOSM, 2024). Sektor ini turut memainkan peranan penting dalam pasaran buruh, menyumbang 21.4 peratus daripada jumlah pekerjaan, atau kira-kira 3.4 juta individu. Angka-angka ini mencerminkan kesan pengganda yang luas dalam sektor ini, terutamanya keupayaannya untuk merangsang permintaan dalam pelbagai industri seperti perkhidmatan pengangkutan, hospitaliti, runcit dan kebudayaan.

Walaupun pandemik COVID-19 telah mengganggu perjalanan global buat sementara waktu dan menyebabkan penyusutan yang signifikan dalam aktiviti berkaitan pelancongan, sektor pelancongan Malaysia kini berada di landasan pemulihan. Kerajaan telah menetapkan sasaran untuk menarik 23.5 juta pelancong antarabangsa menjelang tahun 2025, dengan potensi untuk menjana impak ekonomi dengan anggaran RM100.0 bilion (2023: RM75.8 bilion). Sasaran ini mencerminkan keyakinan yang diperbaharui terhadap keupayaan sektor pelancongan untuk pulih semula dan mengukuhkan lagi kepentingan strategiknya dalam agenda pembangunan ekonomi negara secara keseluruhan.

Menelusuri Perkembangan Sektor Borong & Runcit Malaysia

Sektor Perdagangan borong & runcit di Malaysia telah mengalami perubahan yang ketara sepanjang lima puluh tahun yang lalu, sejajar dengan perkembangan ekonomi negara secara keseluruhan. Evolusi industri ini, yang bermula pada tahun 1970-an, telah mengubahnya menjadi pemain utama dalam sektor Perkhidmatan, yang kini merangkumi 37.9 peratus daripada perkhidmatan swasta. Perkembangan ini dipengaruhi oleh pelbagai perubahan struktur, termasuk urbanisasi, perubahan demografi, peningkatan tahap pendapatan dan kemajuan dalam teknologi.

Pada tahun 1970, industri ini mencatatkan jumlah keseluruhan sebanyak 19,852 pertubuhan. Perdagangan runcit muncul sebagai sektor yang dominan, merangkumi 62.9 peratus dengan 12,485 pertubuhan. Ini diikuti oleh Perdagangan borong yang mewakili 31.9 peratus, iaitu 6,325 pertubuhan. Sebaliknya, Kenderaan bermotor adalah agak tidak signifikan, hanya merangkumi 5.2 peratus dengan 1,042 pertubuhan, seperti yang ditunjukkan dalam **Jadual 2**. Pengukuhan Perdagangan runcit mencerminkan corak penggunaan masyarakat yang sebahagian besarnya adalah agraria, di mana barangan keperluan asas kebanyakannya diedarkan melalui saluran runcit konvensional. Keterbatasan dalam perdagangan berkaitan Kenderaan bermotor boleh dikaitkan dengan tahap pendapatan yang rendah, infrastruktur yang kurang berkembang dan populasi bandar yang agak kecil, dengan hanya 27.0 peratus daripada penduduk tinggal di kawasan bandar.

Jadual 2: Bilangan Pertubuhan dan Sumbangan (%) mengikut Subsektor, 1970 – 2022

Tahun	Bilangan Pertubuhan				Sumbangan (%)		
	Kenderaan Bermotor	Perdagangan Borong	Perdagangan Runcit	Jumlah	Kenderaan Bermotor	Perdagangan Borong	Perdagangan Runcit
1970	1,042	6,325	12,485	19,852	5.2%	31.9%	62.9%
1980	3,002	11,367	12,252	26,621	11.3%	42.7%	46.0%
1993	12,549	20,586	143,885	177,020	7.1%	11.6%	81.3%
2001	31,800	16,386	153,660	201,846	15.8%	8.1%	76.1%
2008	43,396	39,065	199,260	281,721	15.4%	13.9%	70.7%
2013	53,004	57,050	260,664	370,718	14.3%	15.4%	70.3%
2018	62,387	79,428	327,209	469,024	13.3%	16.9%	69.8%
2022	66,929	85,283	323,354	475,566	14.1%	17.9%	68.0%

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)

Nota: Data pada tahun 1970 hanya meliputi pertubuhan di kawasan bandar Semenanjung Malaysia.

Data pada tahun 1980 hanya meliputi pertubuhan di Semenanjung Malaysia

Menjelang tahun 1980, jumlah keseluruhan pertubuhan telah meningkat kepada 26,621, menandakan petunjuk awal kepelbagaian dan kesan daripada dasar perindustrian. Perdagangan runcit kekal mendominasi sebagai segmen terbesar, merangkumi 12,252 pertubuhan. Walau bagaimanapun, perkembangan ketara dapat dilihat dalam Kenderaan bermotor, yang meningkat hampir tiga kali ganda kepada 3,002 pertubuhan, di samping Perdagangan borong yang mencatatkan peningkatan luar biasa sebanyak 79.7 peratus, berjumlah 11,367 pertubuhan. Perubahan ini menunjukkan transformasi dalam permintaan pengguna, sejajar dengan usaha awal Malaysia untuk menceburi sektor perindustrian sebagai sebahagian daripada Dasar Ekonomi Baru. Dari tahun 1980 hingga 1993, sektor ini mengalami perkembangan yang pesat dan signifikan.

Pada tahun 1993, bilangan pertubuhan mencatatkan peningkatan ketara, mencecah 177,020, manakala sektor Perdagangan runcit berkembang dengan pesat, meningkat lebih sebelas kali ganda kepada 143,885 premis. Era ini menandakan pertumbuhan ekonomi yang kukuh, kemunculan kelas pertengahan yang semakin berkembang dan peningkatan ketara dalam perbelanjaan pengguna. Perdagangan runcit berjaya menampung sebahagian besar permintaan ini, disokong oleh kemunculan pusat beli-belah baharu dan perluasan rangkaian runcit berjenama. Dalam tempoh yang sama, bilangan pertubuhan Perdagangan borong meningkat kepada 20,586. Menjelang tahun 2001, jumlah keseluruhan pertubuhan meningkat kepada 201,846. Perdagangan runcit terus mengekalkan dominasinya dengan sejumlah 153,660 premis, manakala Perdagangan kenderaan bermotor mencatatkan perkembangan ketara, dengan mencapai 31,800 pertubuhan. Peningkatan permintaan kenderaan boleh dikaitkan dengan pertambahan pendapatan boleh guna, penambahbaikan infrastruktur jalan raya dan tahap urbanisasi yang semakin meningkat.

Tahun 2001 hingga 2013 merupakan fasa pengstrukturian yang mendalam dalam sektor ini. Jumlah keseluruhan pertubuhan mencapai 370,718 menjelang tahun 2013, mencerminkan pertumbuhan yang ketara merentasi semua segmen. Perdagangan runcit merangkumi 260,664 pertubuhan, mewakili lebih daripada 70.0 peratus daripada keseluruhan sektor. Perdagangan kenderaan bermotor meningkat kepada 53,004, menunjukkan peningkatan dalam pemilikan kenderaan persendirian dan mobiliti pengguna yang lebih baik. Menjelang tahun 2010, Perdagangan borong mengalami kebangkitan semula, mencapai 57,050 pertubuhan, didorong oleh penambahbaikan dalam rantai bekalan serta peluasan perniagaan perantara yang memenuhi keperluan pasaran domestik dan eksport. Urbanisasi turut meningkat kepada 71.0 peratus pada tahun 2010, yang mengubah corak kepenggunaan dan mengukuhkan trajektori pertumbuhan sektor ini. Pembangunan pasar raya besar, gedung serbaneka dan kedai khusus dalam tempoh ini menunjukkan peralihan ke arah format runcit yang lebih tersusun.

Tempoh terkini telah dipengaruhi oleh pendigitalan dan tindak balas sektor ini terhadap gangguan teknologi. Pada tahun 2018, jumlah keseluruhan pertubuhan ialah 469,024, termasuk 327,209 premis runcit. Perdagangan borong mencapai 79,428, manakala Kenderaan bermotor terus menunjukkan trajektori peningkatan dengan 62,387 premis. Walaupun terjejas dengan impak pandemik COVID-19, sektor ini menunjukkan daya tahan yang ketara. Pada tahun 2022, jumlah keseluruhan pertubuhan mencatatkan peningkatan kecil kepada 475,566. Perdagangan runcit merangkumi 323,354 pertubuhan, iaitu 68.0 peratus, manakala Perdagangan borong meningkat kepada 85,283, mewakili 17.9 peratus. Selain itu, Kenderaan bermotor berkembang kepada 66,929, iaitu 14.1 peratus. Agihan struktur ini menunjukkan tahap kematangan ketiga-tiga komponen serta komposisi yang lebih seimbang dalam sektor perdagangan domestik.

Dari tahun 1970 hingga 2022, jumlah nilai jualan barangan dan perkhidmatan meningkat dengan signifikan daripada RM9.4 bilion kepada RM1.58 trilion (**Jadual 3**), menunjukkan peralihan Malaysia daripada ekonomi berasaskan pertanian kepada ekonomi moden yang berfokus kepada penggunaan dan berorientasikan perkhidmatan. Era 1980-an menandakan fasa penting dalam kepelbagaian dan perindustrian di Malaysia, dipacu oleh Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang bertujuan menghapuskan kemiskinan dan membentuk semula struktur masyarakat. Sepanjang tempoh ini, jumlah keseluruhan nilai perdagangan mencatatkan peningkatan hampir empat kali ganda, mencerminkan kebangkitan menyakinkan subsektor Perdagangan borong dan runcit bersama industri Kenderaan bermotor. Secara khususnya, sektor Perdagangan borong mencatat pertumbuhan ketara, meningkat daripada RM7.1 bilion pada tahun 1970 kepada RM24.5 bilion pada tahun 1980. Lonjakan ini menggambarkan peluasan rantai bekalan dan peningkatan permintaan terhadap perkhidmatan pengedaran, yang sejajar dengan momentum perindustrian yang lebih luas.

Jadual 3: Nilai Jualan Barangan & Perkhidmatan mengikut Subsektor, 1970 – 2022

Tahun	Nilai Jualan Barangan & Perkhidmatan			
	Kenderaan Bermotor	Perdagangan Borong	Perdagangan Runcit	Jumlah
1970	780.4	7,056.7	1,564.8	9,401.9
1980	5,260.5	24,507.9	5,422.9	35,191.3
1993	38,506.3	85,787.4	43,517.2	167,810.9
2001	48,861.7	144,991.9	71,651.4	265,505.0
2008	97,145.1	325,908.3	188,197.5	611,250.9
2013	120,365.4	442,221.8	279,051.2	841,638.3
2018	147,235.4	663,696.4	459,860.4	1,270,792.1
2022	192,051.6	736,002.8	654,375.2	1,582,429.6

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)

Nota: Data pada tahun 1970 hanya meliputi pertubuhan di kawasan bandar Semenanjung Malaysia

Data pada tahun 1980 hanya meliputi pertubuhan di Semenanjung Malaysia

Menjelang tahun 1993, Malaysia telah memasuki fasa baharu yang bercirikan dinamisme ekonomi, disokong oleh pertumbuhan berasaskan eksport dan pembangunan infrastruktur yang pesat. Jumlah nilai barangan dan perkhidmatan yang diperdagangkan mencecah RM167.81 bilion, menunjukkan peningkatan hampir lima kali ganda sejak tahun 1980. Peningkatan ini boleh dikaitkan dengan prestasi kukuh sektor Perdagangan borong, yang menjana RM85.8 bilion dan berfungsi sebagai perantara antara pengeluar dan peruncit. Pada masa yang sama, sumbangan Kenderaan bermotor meningkat mendadak, berkembang sepuluh kali ganda sejak tahun 1980 kepada RM38.5 bilion. Trend ini mencerminkan peningkatan pendapatan isi rumah dan permintaan yang semakin tinggi terhadap penyelesaian mobiliti. Tempoh dari tahun 2001 hingga 2022 menyaksikan pertumbuhan yang ketara merentas semua subsektor, terutamanya selepas krisis kewangan global 2008 dan sepanjang era transformasi digital. Sektor Perdagangan borong mencatatkan peningkatan yang mengagumkan, mencecah RM736.0 bilion menjelang 2022, dipacu oleh peningkatan liberalisasi perdagangan, integrasi serantau dan penglibatan Malaysia dalam rantai nilai global. Sektor Perdagangan runcit pula mengalami perkembangan luar biasa, meningkat daripada RM71.7 bilion pada tahun 2001 kepada RM654.4 bilion pada tahun 2022. Pertumbuhan ini menggambarkan trend peningkatan penggunaan swasta, urbanisasi berterusan dan kemunculan e-dagang yang secara kolektif telah mengubah tingkah laku pengguna dan kerangka perniagaan runcit.

Sektor Kenderaan bermotor, walaupun yang paling kecil antara ketiga-tiganya, menunjukkan pertumbuhan yang stabil, daripada RM48.9 bilion pada tahun 2001 kepada RM192.1 bilion pada tahun 2022. Trend peningkatan ini menekankan pertumbuhan berterusan kelas pertengahan di Malaysia selari dengan inisiatif strategik kerajaan di bawah Dasar Automotif Nasional yang telah menggalakkan pemasangan tempatan dan merangsang pembelian kenderaan persendirian. Data dari tahun 2018 hingga 2022 mempunyai kepentingan yang besar kerana meliputi kesan pandemik COVID-19. Dalam menghadapi gangguan global, sektor perdagangan domestik Malaysia menunjukkan daya tahan yang kukuh, berkembang daripada RM1.3 trilion kepada RM1.6 trilion. Daya tahan ini boleh dijelaskan oleh kemajuan pesat teknologi digital, pelaksanaan langkah rangsangan kerajaan serta fleksibiliti yang ditunjukkan oleh pengguna dan perniagaan. Pandemik telah mempercepatkan perkembangan platform runcit dalam talian dan penyampaian perkhidmatan tanpa sentuh, sekali gus memastikan kelangsungan aktiviti ekonomi.

Evolusi sektor perdagangan domestik Malaysia sepanjang lima puluh tahun terakhir bukan sekadar naratif pertumbuhan; ia menggambarkan keupayaan negara untuk menyesuaikan diri dengan perubahan landskap ekonomi, tingkah laku pengguna yang berkembang dan kemajuan teknologi yang pesat. Pada tahun 1970, tenaga kerja sektor ini terdiri daripada lebih kurang 129,000 individu. Menjelang tahun 2022, bilangan ini telah meningkat dengan ketara kepada lebih 2.17 juta, menekankan peranan sektor ini yang semakin berkembang dalam pekerjaan serta sumbangan kepada pembangunan negara yang semakin meningkat (**Jadual 4**). Dalam tempoh yang sama, jumlah gaji dan upah mencatat peningkatan yang luar biasa daripada RM222.2 juta kepada RM76.18 bilion. Tahun 1970-an dan 1980-an menandakan tempoh penting dalam perkembangan subsektor Perdagangan borong dan Perdagangan runcit, didorong oleh kuasa perindustrian dan urbanisasi. Subsektor Kenderaan bermotor, yang pada awalnya hanya menyumbang secara marginal dengan kurang daripada 10,000 pekerja pada tahun 1970, mula menunjukkan trajektori pertumbuhannya apabila pendapatan isi rumah meningkat dan pemilikan kenderaan menjadi lebih mampu milik.

Jadual 4: Bilangan Pekerja dan Gaji & Upah mengikut Subsektor, 1970 – 2022

Tahun	Bilangan Pekerja				Gaji & Upah			
	Kenderaan Bermotor	Perdagangan Borong	Perdagangan Runcit	Jumlah	Kenderaan Bermotor	Perdagangan Borong	Perdagangan Runcit	Jumlah
1970	9,708	51,321	68,083	129,112	18.5	158.3	45.4	222.2
1980	24,327	94,472	62,843	181,642	96.2	641.9	148.6	886.6
1993	90,589	227,189	434,968	752,746	1,181.5	4,586.1	2,125.9	7,893.5
2001	147,878	179,540	512,185	839,603	1,673.7	3,330.0	3,149.4	8,153.2
2008	234,213	383,257	851,500	1,468,970	3,740.9	8,518.6	10,278.8	22,538.3
2013	268,372	442,795	988,741	1,699,908	5,803.6	13,336.1	19,818.0	38,957.7
2018	308,763	519,588	1,174,487	2,002,838	8,045.0	20,700.3	34,127.5	62,872.9
2022	332,829	567,945	1,270,739	2,171,513	9,371.9	23,915.5	42,893.8	76,181.2

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)

Nota: Data pada tahun 1970 hanya meliputi pertumbuhan di kawasan bandar Semenanjung Malaysia

Data pada tahun 1980 hanya meliputi pertumbuhan di Semenanjung Malaysia

Titik perubahan penting berlaku pada tahun 1990-an apabila Malaysia mula mengamalkan ekonomi yang lebih berasaskan penggunaan. Tenaga kerja dalam sektor runcit melonjak daripada 62,843 pada tahun 1980 kepada 434,968 pada tahun 1993, manakala jumlah gaji dalam sektor perdagangan domestik meningkat kepada RM7.89 bilion, menandakan peningkatan permintaan pengguna dan pemodenan sektor runcit. Tahun 1990-an merupakan detik penting apabila Malaysia beralih kepada model ekonomi yang lebih berorientasikan pengguna. Tenaga kerja runcit mencatatkan peningkatan ketara daripada 62,843 pada tahun 1980 kepada 434,968 pada tahun 1993, disertai dengan peningkatan signifikan dalam jumlah gaji sektor perdagangan domestik, yang mencecah RM7.89 bilion. Trend ini mencerminkan perkembangan permintaan pengguna dan evolusi dalam sektor runcit sepanjang tempoh tersebut. Namun begitu, menjelang tahun 2001, pertumbuhan sektor ini berdepan cabaran besar. Walaupun jumlah pekerja terus meningkat kepada 839,603 orang, jumlah gaji hanya mencatatkan peningkatan sederhana kepada RM8.15 bilion, iaitu hanya sedikit lebih tinggi berbanding paras pada tahun 1993. Kelesuan ini menggambarkan kesan berpanjangan Krisis Kewangan Asia (1997–1998), yang menyebabkan penurunan besar dalam permintaan domestik dan memaksa banyak perusahaan menghentikan pengambilan pekerja atau mengurangkan gaji. Kelesuan global pada awal 2000-an, yang diburukkan lagi oleh kejatuhan *dot-com*, turut memberi impak besar kepada ekonomi Malaysia yang bergantung kepada perdagangan, sekali gus menyebabkan pemulihan gaji pekerja yang lebih berhati-hati.

Walaupun berdepan dengan pelbagai halangan, sektor perdagangan domestik menunjukkan daya tahan yang ketara. Dari tahun 2008 hingga 2022, sektor ini mengalami perubahan besar yang didorong oleh kemajuan dalam teknologi digital, pertumbuhan e-dagang dan evolusi logistik bandar. Menjelang tahun 2022, pekerjaan dalam sektor runcit mencatat peningkatan yang signifikan, mencecah lebih daripada 1.27 juta orang, manakala jumlah gaji melonjak daripada RM10.28 bilion kepada RM42.89 bilion. Sektor Kenderaan bermotor turut mengalami perkembangan yang memberangsangkan, dibuktikan dengan peningkatan dalam bilangan pekerja dan jumlah pengagihan gaji, mencerminkan demografi Malaysia yang semakin bergerak aktif dan berorientasikan pengguna. Peningkatan ketara dalam gaji berbanding dengan pekerjaan sepanjang dekad lalu menunjukkan peningkatan produktiviti dan peralihan kepada peranan yang memberi nilai tambah yang lebih tinggi. Dari tahun 2013 hingga 2022, terdapat peningkatan pekerjaan sebanyak 27.7 peratus, disertai dengan lonjakan jumlah gaji sebanyak 95.5 peratus. Ini menunjukkan bahawa sektor ini bukan sahaja sedang mengembangkan tenaga kerjanya, tetapi juga menyediakan ganjaran yang lebih baik.

Menakrif Semula Masa Depan Perdagangan Borong & Runcit

Evolusi sektor Perkhidmatan dan Runcit di Malaysia merupakan bukti kematangan dan keupayaan negara untuk menyesuaikan diri dengan perubahan landskap ekonomi. Disokong oleh dasar liberalisasi, usaha pendigitalan dan insentif pelaburan strategik, industri-industri ini telah berkembang menjadi enjin utama pembangunan negara. Namun begitu, di sebalik kejayaan ini, wujud kelemahan struktur yang memerlukan penelitian lebih mendalam. Kebergantungan sektor ini terhadap perbelanjaan pengguna dan jualan Kenderaan bermotor menjadikannya terdedah kepada kejutan permintaan kitaran, manakala dominasi rangkaian runcit besar dan platform dalam talian mengancam perusahaan kecil dan sederhana (PKS) yang kekal penting dalam menjana daya saing perdagangan domestik. Tanpa campur tangan berterusan, ketidakseimbangan ini mungkin akan menjadi lebih ketara, sekali gus menjejaskan keterangkuman dan kelestarian ekonomi.

Rantaian kehadapan, Malaysia perlu bergerak bukan sekadar meraikan angka pertumbuhan dan sebaliknya memberi tumpuan kepada usaha transformasi yang inklusif dan berdaya tahan. Fasa pembangunan seterusnya memerlukan ekosistem digital yang diperkasakan, bukan dipinggirkan. Keutamaan dasar harus mengutamakan penyertaan digital oleh PKS, mempertingkatkan infrastruktur logistik penghantaran akhir, serta mengintegrasikan amalan kelestarian merentas rantai nilai, daripada operasi runcit hijau hingga kepada sumber yang bertanggungjawab. Usaha meningkatkan literasi digital tenaga kerja juga penting bagi memastikan pekerja runcit tidak ketinggalan apabila teknologi automasi dan kecerdasan buatan (AI) membentuk semula industri. Pengukuhan perlindungan pekerja dalam ekonomi gig dan platform yang semakin berkembang adalah penting bagi mengelakkan kemerosotan kualiti pekerjaan.

Di tengah-tengah landskap masa depan runcit dan perkhidmatan Malaysia, terletak satu persoalan asas: siapakah yang benar-benar mendapat manfaat daripada transformasi ini? Bagi membolehkan sektor ini berfungsi sebagai tonggak sebenar pembangunan yang saksama, ia bukan sahaja perlu menjana keuntungan tetapi juga menyediakan pelbagai peluang yang meluas. Pertumbuhan gaji perlu diagihkan secara saksama merentasi wilayah dan saiz perusahaan, manakala PKS harus disokong melalui sokongan kewangan, teknologi dan peraturan agar kekal berdaya saing. Ketika Malaysia semakin menghampiri status negara berpendapatan tinggi, tumpuan perlu beralih daripada perkembangan berasaskan kuantiti kepada pertumbuhan yang berpaksikan nilai. Hanya dengan pendekatan ini, sektor perdagangan domestik dapat menjamin peranannya yang berterusan, kesaksamaan dan kemakmuran negara yang mampan.

Prestasi Perdagangan Eksport dan Import Malaysia Mengikut Dekad

Landskap perdagangan Malaysia telah mengalami pertumbuhan pesat sejak tahun 1970-an, dengan peningkatan ketara dalam kedua-dua eksport dan import. Analisis data perdagangan mengikut dekad menunjukkan bahawa Malaysia terus mencatatkan perkembangan positif dalam perdagangan antarabangsa, mencerminkan daya saing ekonomi negara dalam pelbagai sektor utama. Artikel ini bertujuan untuk memberikan gambaran keseluruhan prestasi perdagangan Malaysia dari segi jumlah eksport dan import serta imbalan perdagangan.


Dari tahun 1970 hingga 2024, jumlah eksport Malaysia telah berkembang secara konsisten, dengan pertumbuhan ketara bermula pada tahun 1990-an, di mana sektor elektronik dan elektrik memainkan peranan penting dalam meningkatkan nilai eksport negara. Seiring dengan itu, jumlah import juga meningkat selaras dengan keperluan negara terhadap bahan mentah, jentera dan kelengkapan industri bagi menyokong pertumbuhan ekonomi domestik. Walaupun import meningkat, Malaysia terus mengekalkan lebihan perdagangan, menandakan kekuatan dan daya saing sektor eksport negara.

Berdasarkan analisis dari tahun 1970 hingga 2024, Malaysia menunjukkan pertumbuhan perdagangan yang pesat. Pada era 1970-an dan 1980-an, perdagangan negara banyak dipacu oleh eksport komoditi seperti minyak sawit, getah, dan timah. Dalam tempoh ini, import negara terdiri terutamanya daripada bahan mentah untuk menyokong perkembangan industri sektor Pembuatan yang sedang berkembang.

Memasuki tahun 1990-an dan awal 2000-an, Malaysia mengalami transformasi ekonomi yang pesat dengan peralihan kepada industri berasaskan teknologi tinggi termasuk elektronik dan semikonduktor. Pulau Pinang dan Selangor menjadi hab utama dalam pengeluaran dan eksport produk berteknologi tinggi. Import negara turut meningkat dengan kemasukan bahan mentah dan komponen elektronik untuk menyokong industri ini.

Dari tahun 2010 hingga 2024, trend perdagangan Malaysia terus berkembang dengan peningkatan dalam eksport produk berasaskan perkilangan, termasuk peralatan elektronik dan kimia. Pada masa yang sama, import negara juga meningkat seiring dengan keperluan domestik dan permintaan bagi bahan mentah industri seperti pada **Carta 14**.

Carta 14 : Nilai Perdagangan Malaysia, 1970-2024



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)

Perdagangan Malaysia Dekad 1970-an


Prestasi Keseluruhan Perdagangan

Perdagangan Malaysia sepanjang tempoh 1970 hingga 1979 mencatatkan pertumbuhan ketara, dengan jumlah perdagangan meningkat daripada RM9.5 bilion pada tahun 1970 kepada RM41.4 bilion pada tahun 1979. Pertumbuhan ini didorong terutamanya perkembangan sektor pertanian, khususnya getah dan bijih timah yang merupakan penyumbang utama kepada eksport negara.

Pada awal dekad tersebut, perdagangan negara berada dalam keadaan relatif seimbang, dengan eksport bernilai RM5.2 bilion dan import RM4.3 bilion, menghasilkan lebihan imbalan dagangan sebanyak RM0.9 bilion. Walaubagaimanapun, pertumbuhan perdagangan kekal sederhana sehingga pertengahan dekad, dengan jumlah perdagangan meningkat secara beransur-ansur kepada RM20.1 bilion pada tahun 1974. Ini mencerminkan aktiviti ekonomi yang stabil tetapi terkawal pada waktu itu.

Pada separuh kedua dekad tersebut, perdagangan Malaysia mengalami pertumbuhan pesat, terutamanya dipacu oleh lonjakan eksport yang meningkat daripada RM9.2 bilion pada tahun 1975 kepada RM24.2 bilion pada tahun 1979. Walaupun import turut meningkat daripada RM8.5 bilion kepada RM17.2 bilion dalam tempoh yang sama, kadar pertumbuhan eksport yang lebih pantas membawa kepada lebihan imbalan dagangan yang lebih besar, mencecah RM7.1 bilion pada tahun 1979. Daya saing eksport Malaysia dilihat semakin kukuh, didorong oleh pertumbuhan dalam sektor perindustrian **Carta 15**.

Carta 15: Perdagangan Malaysia, 1970-1979




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)

Eksport dan Import Mengikut Produk

Eksport Malaysia pada tahun 1970-an memuncak pada tahun 1979, merekodkan nilai eksport tertinggi RM24.2 bilion, manakala import berjumlah RM17.2 bilion, menjadikan, jumlah nilai perdagangan sebanyak RM41.4 bilion. Eksport getah mentah mencatatkan RM4.5 bilion menyumbang 18.5%. Ini diikuti oleh eksport petroleum, produk petroleum, dan bahan berkaitan dengan RM4.3 bilion (17.9%). Kayu dan gabus mencatat RM4.2 bilion (17.5%) manakala minyak dan lemak sayuran menyumbang RM2.9 bilion (12.1%). Selain itu, logam bukan besi berjumlah RM2.3 bilion (9.6%) seperti yang ditunjukkan dalam **Carta 16**.


Carta 16: Sumbangan Nilai Eksport mengikut Produk Utama, 1979



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)

Import produk elektrik dan elektronik mencatat jumlah RM2.6 bilion, merangkumi 15.4% daripada jumlah keseluruhan import. Ini diikuti oleh petroleum, keluaran petroleum, dan bahan berkaitan RM2.0 bilion (11.9%). Selain itu, produk kenderaan jalan raya mencatat RM1.2 bilion (6.9%), manakala jentera khusus bagi perusahaan tertentu berjumlah RM1.1 bilion (6.2%). Import Besi dan keluli pula merekodkan import RM0.1 bilion (5.8%) seperti yang ditunjukkan dalam **Carta 17**.

Carta 17: Sumbangan Nilai Import mengikut Produk Utama, 1979




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)

Perdagangan Malaysia Dekad 1980-an

Prestasi Keseluruhan

Memasuki dekad 1980-an, perdagangan Malaysia bagi tahun 1980 hingga 1989 menunjukkan pertumbuhan yang ketara, didorong oleh peralihan negara ke arah perindustrian berat. Jumlah perdagangan meningkat daripada RM51.6 bilion pada tahun 1980 kepada RM128.7 bilion pada tahun 1989. Pada awal dekad, Malaysia mencatatkan nilai eksport sebanyak RM28.2 bilion dan import berjumlah RM23.5 bilion, menghasilkan lebih imbalan dagangan sebanyak RM4.7 bilion. Walaubagaimanapun, imbalan dagangan mencatatkan penurunan pada tahun 1981 apabila nilai import meningkat melebihi eksport hampir menghapuskan lebih imbalan dagangan tersebut. Perubahan ini berpunca daripada perubahan struktur ekonomi negara berikutan pelaksanaan Dasar Perindustrian Berat (DPI) pada tahun 1980, yang memfokuskan kepada pembangunan sektor automotif, besi dan keluli, kimia serta jentera. Peralihan ini telah menyebabkan peningkatan ketara dalam import bahan mentah jentera dan teknologi bagi menyokong pertumbuhan industri berat. Namun, prestasi perdagangan negara kembali pulih selepas 1982, dengan peningkatan beransur-ansur dalam jumlah perdagangan yang mencerminkan pertumbuhan ekonomi yang stabil. Memasuki separuh kedua dekad ini, perdagangan Malaysia berkembang pesat, dipacu oleh lonjakan eksport yang meningkat daripada RM40.9 bilion pada tahun 1985 kepada RM67.8 bilion pada tahun 1989. Walaupun import turut meningkat daripada RM32.8 bilion kepada RM60.9 bilion dalam tempoh yang sama, kadar pertumbuhan eksport yang lebih tinggi menyumbang kepada lebih imbalan dagangan yang mencapai RM13.3 bilion pada tahun 1987, dan sebelum menurun kepada RM7.0 bilion pada tahun 1989. Trend ini menggambarkan pengukuhan daya saing eksport Malaysia, yang didorong oleh perkembangan sektor perindustrian dan penekanan negara terhadap industri berat (**Carta 18**).

Carta 18: Perdagangan Malaysia, 1980-1989




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)

Eksport dan Import Mengikut Produk

Pada tahun 1989, nilai eksport mencecah nilai tertinggi RM67.8 bilion, manakala import berjumlah RM60.9 bilion. Ini menjadikan jumlah nilai perdagangan sebanyak RM128.7 bilion, menandakan peningkatan ketara dalam aktiviti perdagangan antarabangsa Malaysia.

Penyumbang eksport tertinggi ialah jentera, radas dan perkakas elektrik dan alat ganti yang mencatatkan eksport Malaysia tertinggi iaitu RM12.1 bilion (17.9%). Diikuti oleh petroleum dan bahan berkaitan RM8.9 bilion (13.1%). Sementara itu, gabus dan kayu RM7.9 bilion (11.6%). Perkakas dan kelengkapan telekomunikasi dan rakaman suara/ penghasilan semula menyumbang sebanyak RM6.2 bilion (9.2%), manakala produk minyak dan lemak sayuran, mentah dan bertapis menyumbang RM5.0 bilion (7.4%). Kategori produk lain merangkumi baki eksport seperti yang ditunjukkan dalam **(Carta 19)**.


Carta 19: Sumbangan Nilai Eksport mengikut Produk Utama, 1989



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)

Import terbesar pada tahun 1989 ialah jentera, radas dan perkakas elektrik dan alat ganti bernilai RM12.0 bilion dan merangkumi 19.7 peratus daripada jumlah keseluruhan import. Ini diikuti oleh jentera khusus bagi perusahaan tertentu RM3.9 bilion (6.3%). Sementara itu, besi dan keluli mencatat RM3.0 bilion (5.0%), manakala jentera dan kelengkapan perusahaan am dan alat ganti RM2.8 bilion (4.5%). Selain itu, petroleum, keluaran petroleum dan bahan yang berkaitan berjumlah RM2.6 bilion (4.3%) seperti pada yang ditunjukkan dalam **Carta 20**.

Carta 20: Sumbangan Nilai Import mengikut Produk Utama, 1989



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)

Perdagangan Malaysia Dekad 1990-an


Prestasi Keseluruhan

Prestasi perdagangan Malaysia dalam tempoh 1990 hingga 1999 mencatat pertumbuhan yang ketara, dengan jumlah perdagangan meningkat daripada RM158.8 bilion pada tahun 1990 kepada RM570.0 bilion pada 1999. Pertumbuhan ini didorong oleh pemerkasaan sektor perindustrian berorientasikan eksport serta peningkatan permintaan global terhadap produk pembuatan berasaskan teknologi.

Pada permulaan dekad tersebut, perdagangan berkembang secara sederhana, dengan eksport bernilai RM79.7 bilion dan import RM79.1 bilion pada tahun 1990, menghasilkan lebihan perdagangan kecil RM0.5 bilion. Walau bagaimanapun, imbalan dagangan mengalami turun naik pada awal tahun 1990-an, termasuk defisit pada 1991 (-RM6.3 bilion) dan 1994 (-RM2.0 bilion), disebabkan oleh pertumbuhan pesat dalam import barangan modal dan perantaraan untuk menyokong pembangunan industri. Selain itu, pada pertengahan tahun 1995 hingga 1997, imbalan dagangan turut melemah akibat kesan awal Krisis Kewangan Asia yang memberi tekanan kepada ekonomi dan perdagangan negara.

Memasuki separuh kedua dekad, perdagangan negara berkembang pesat dengan peningkatan eksport mengatasi import. Pada tahun 1998, eksport melonjak kepada RM286.6 bilion, berbanding import RM228.1 bilion, menghasilkan lebihan imbalan dagangan RM58.4 bilion. Trend ini berterusan pada tahun 1999, dengan lebihan imbalan dagangan meningkat kepada RM73.1 bilion. Peningkatan ini menggambarkan daya saing Malaysia dalam perdagangan antarabangsa yang dipacu oleh pertumbuhan sektor Pembuatan (seperti yang digambarkan dalam **Carta 21**).

Carta 21: Perdagangan Malaysia, 1990-1999




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)

Eksport dan Import Mengikut Produk

Malaysia mencatat eksport RM321.6 bilion dan import RM248.5 bilion, dengan jumlah perdagangan RM570.0 bilion pada tahun 1999. Eksport produk utama terpilih menunjukkan jentera, radas dan peralatan elektrik, dan alat ganti sebagai penyumbang terbesar bernilai RM82.4 bilion (sumbangan 25.6%), diikuti oleh mesin pejabat dan peralatan pemprosesan data automatik iaitu RM65.2 bilion (20.3%).

Selain itu, perkakas dan kelengkapan telekomunikasi serta rakaman suara/ penghasilan semula mencatat nilai RM37.6 bilion (11.7%), manakala minyak dan lemak sayuran, mentah dan bertapis RM14.9 bilion (4.6%). Petroleum, produk petroleum dan bahan yang berkaitan turut menyumbang sebanyak RM14.9 bilion (4.4%), menunjukkan kepentingan sektor elektronik, teknologi maklumat, dan komoditi dalam eksport negara (seperti yang ditunjukkan dalam **Carta 22**).

Carta 22: Sumbangan Nilai Eksport mengikut Produk Utama, 1999




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)

Pada tahun 1999, import produk utama terpilih menunjukkan jentera, radas dan perkakas elektrik merekodkan nilai tertinggi RM95.3 bilion (sumbangan 38.4%). Ini diikuti mesin pejabat dan kelengkapan pemprosesan data automatik yang berjumlah RM14.3 bilion (5.8%).

Jentera dan kelengkapan perusahaan am berjumlah RM9.6 bilion (3.9%), manakala perkakas dan kelengkapan telekomunikasi serta rakaman suara semula mencatat RM8.7 bilion (3.5%). Selain itu, import besi dan keluli berjumlah RM7.9 bilion (3.2%) seperti pada yang ditunjukkan dalam **Carta 23**.

Carta 23: Sumbangan Nilai Import mengikut Produk Utama, 1999




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)

Sumbangan Eksport Malaysia Mengikut Rakan Dagangan Utama, 1999

Peratusan pembahagian eksport pada tahun 1999, United States mencatatkan bahagian terbesar dengan RM37.8 bilion (21.9%) daripada jumlah eksport. Singapore berada di tempat kedua dengan RM53.1 bilion (16.5%), diikuti oleh Japan dengan RM37.8 bilion (11.7%). Netherlands mencatatkan RM16.2 bilion (5.0%), sementara Taiwan, Province of China mendapat RM14.5 bilion (4.5%). Sebanyak RM129.6 bilion (40.3%), dieksport ke negara-negara lain seperti yang ditunjukkan dalam **Carta 24**.

Carta 24: Sumbangan Eksport Malaysia mengikut Rakan Dagangan Utama, 1999




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)

Sumbangan Import Malaysia Mengikut Rakan Dagangan Utama, 1999

Bagi pembahagian peratusan import pada tahun 1999, Japan mencatat bahagian terbesar dengan RM51.7 bilion (20.8%), diikuti oleh United States dengan RM43.4 bilion (17.5%). Singapore menyumbang RM34.8 bilion (14.0%), sementara Taiwan, Province of China menyumbang RM13.2 (5.3%) dan Korea, Republic of mencatatkan RM13.0 bilion (5.2%). Sebahagian besar import, berjumlah RM92.3 bilion (37.1%), datang dari negara-negara lain, seperti yang ditunjukkan dalam **Carta 25**.

Carta 25: Sumbangan Import Malaysia mengikut Rakan Dagangan Utama, 1999



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)

Perdagangan Malaysia Dekad 2000-an


Prestasi Keseluruhan

Memasuki alaf baharu, perdagangan Malaysia bagi tempoh tahun 2000 hingga 2009 mencatatkan pertumbuhan yang signifikan, dengan jumlah perdagangan meningkat daripada RM684.7 bilion pada tahun 2000 kepada RM1.2 trilion pada tahun 2008.

Pada awal dekad tersebut, perdagangan negara berada dalam keadaan yang agak seimbang, dengan eksport bernilai RM373.3 bilion dan import RM311.5 bilion, menghasilkan lebihan imbalan dagangan RM61.8 bilion. Walau bagaimanapun, jumlah perdagangan meningkat secara beransur-ansur, RM714.4 bilion pada tahun 2003, disokong oleh peningkatan permintaan global terhadap barangan elektrik dan elektronik Malaysia.

Pada separuh kedua dekad, perdagangan Malaysia terus berkembang pesat, dengan eksport meningkat daripada RM481.3 bilion pada tahun 2004 kepada RM663.0 bilion pada 2008. Lonjakan ini disumbang oleh permintaan global yang kukuh terhadap barangan elektrik dan elektronik serta komoditi seperti minyak sawit dan petroleum. Walaupun import turut meningkat daripada RM399.6 bilion kepada RM519.8 bilion dalam tempoh yang sama, pertumbuhan eksport yang lebih tinggi menyumbang kepada peningkatan lebihan imbalan dagangan, RM143.2 bilion pada tahun 2008. Antara faktor utama di sebalik pertumbuhan pesat ini adalah perkembangan dalam sektor Pembuatan dan permintaan yang tinggi terhadap barangan elektronik (**Carta 26**).

Carta 26: Perdagangan Malaysia, 2000-2009




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)

Eksport dan Import Mengikut Produk

Malaysia mencatat nilai eksport tertinggi pada tahun 2008 mencecah dengan RM663.0 bilion dan import RM519.8 bilion, menjadikan jumlah keseluruhan perdagangan yang direkodkan adalah RM1.2 trilion.

Produk eksport utama ialah jentera, radas dan peralatan elektrik menyumbang sebanyak RM120.1 bilion (18.1%). Ini diikuti oleh mesin pejabat dan peralatan pemprosesan data automatik dengan RM83.8 bilion (13.3%). serta petroleum, produk petroleum, dan bahan berkaitan dengan RM73.9 bilion (11.1%). Sementara itu, gas, asli dan perkakas dan kelengkapan telekomunikasi dan rakaman suara dan penghasilan semula mencatat nilai yang sama iaitu RM47.6 bilion (7.2%) seperti yang digambarkan dalam **Carta 27**.


Carta 27: Sumbangan Nilai Eksport mengikut Produk Utama, 2008



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)

Import produk jentera, radas dan peralatan elektrik mencatat jumlah RM138.5 bilion (menyumbang 26.6% daripada nilai import pada tahun 2008), diikuti oleh petroleum, produk petroleum dan bahan berkaitan RM48.6 bilion (9.4%). Selain itu, mesin pejabat dan peralatan pemprosesan data automatik mencatat RM32.2 bilion (6.2%), manakala besi dan keluli menyumbang RM24.1 bilion (4.6%). Perkakas dan kelengkapan telekomunikasi dan rakaman suara dan penghasilan semula merekodkan import RM18.9 bilion (3.6%) seperti ditunjukkan dalam **Carta 28**.

Carta 28: Sumbangan Nilai Import mengikut Produk Utama, 2008




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)

Sumbangan Eksport Malaysia Mengikut Rakan Dagangan Utama, 2008

Dari segi peratusan pembahagian eksport pada tahun 2008, Singapore mencatatkan bahagian terbesar dengan RM97.0 bilion (14.6%) daripada jumlah eksport. United States berada di tempat kedua dengan RM82.7 bilion (12.5%), diikuti oleh Japan dengan RM70.7 bilion (10.7%). Taiwan, Province of China mencatatkan RM63.4 bilion (9.6%), sementara Thailand menyumbang RM31.6 bilion (4.8%). Jumlah sebanyak RM317.5 bilion (47.9%) telah dieksport ke negara-negara lain seperti yang ditunjukkan dalam **Carta 29**.

Carta 29: Sumbangan Eksport Malaysia mengikut Rakan Dagangan Utama, 2008




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)

Sumbangan Import Malaysia Mengikut Dagangan Utama, 2008

Sementara itu, bagi peratusan pembahagian import pada tahun 2008, Taiwan, Province of China mencatatkan bahagian terbesar dengan RM66.9 bilion (12.9%), diikuti oleh Japan dengan RM64.9 bilion (12.5%). Singapore mendapat RM57.1 bilion (11.0%), sementara United States mencatat RM56.1 bilion (10.8%), dan Thailand mencatatkan RM29.2 bilion (5.5%). Sebahagian besar import, sebanyak RM245.6 bilion (47.3%), datang dari negara-negara lain (**Carta 30**).

Carta 30: Sumbangan Import Malaysia mengikut Rakan Dagangan Utama, 2008



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)

Perdagangan Malaysia Dekad 2010-an hingga 2024


Prestasi Keseluruhan

Perdagangan Malaysia dari 2010 hingga 2024 mencatat pertumbuhan pesat, dengan jumlah perdagangan meningkat daripada RM1.2 trilion pada 2010 kepada RM2.9 trilion pada 2024. Pada awal dekad, perdagangan berkembang kukuh dengan eksport bernilai RM638.8 bilion dan import RM528.8 bilion, menghasilkan lebih imbalan dagangan sebanyak RM110.0 bilion.

Menjelang pertengahan dekad, eksport terus meningkat, mencapai RM1.6 trilion pada 2022, manakala import turut menunjukkan pertumbuhan selari. Pertumbuhan ini dipacu oleh permintaan global terhadap produk berteknologi tinggi Malaysia dan pemulihan ekonomi global selepas krisis kewangan. Walau bagaimanapun, perdagangan menunjukkan turun naik pada 2023 dan 2024, disebabkan oleh penyusutan permintaan terhadap komoditi utama. Pada tahun 2023, jumlah perdagangan mencecah RM2.6 trilion dengan lebih imbalan dagangan meningkat kepada RM215.2 bilion, manakala bagi tahun 2024, jumlah perdagangan diunjurkan mencapai RM2.9 trilion dengan lebih menurun kepada RM136.8 bilion.

Secara keseluruhan, prestasi perdagangan Malaysia kekal kukuh, disokong oleh daya saing eksport dalam sektor elektrik dan elektronik, serta penyesuaian industri terhadap dinamik pasaran global (**Carta 31**).

Carta 31: Perdagangan Malaysia, 2010-2024




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)

Eksport dan Import Mengikut Produk

Malaysia mencatatkan eksport RM1.6 trilion dan import RM1.3 trilion, dengan jumlah perdagangan RM2.8 trilion pada tahun 2022.

Eksport jentera, radas dan perkakas elektrik, dan alat ganti RM471.4 bilion (menyumbang 30.4%), diikuti oleh petroleum, produk petroleum, dan bahan berkaitan dengan RM189.4 bilion (12.2%). Eksport minyak dan lemak sayuran RM2.9 bilion (12.1%) manakala gas, asli dan buatan mencatatkan RM75.0 bilion (4.8%). Pelbagai artikel perkilangan pula mencatat eksport sebanyak RM63.4 bilion (4.1%) seperti yang ditunjukkan dalam **Carta 32**.


Carta 32: Sumbangan Nilai Eksport mengikut Produk Utama, 2022



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)

Import bagi jentera, radas dan perkakas elektrik, dan alat ganti merekodkan jumlah RM332.8 bilion (menyumbang 26.4%). Seterusnya, petroleum, produk petroleum dan bahan yang berkaitan mencatat jumlah RM196.06 bilion (15.2%). Logam bukan besi berjumlah RM40.73 bilion (3.2%). Selain itu, Jentera dan kelengkapan perusahaan am dan alat ganti mencatat RM37.84 bilion (2.9%), manakala import arang batu, kok dan briket adalah RM32.65 bilion (2.5%) seperti yang ditunjukkan dalam **Carta 33**.

Carta 33: Sumbangan Nilai Import mengikut Produk Utama, 2022




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)

Sumbangan Eksport Malaysia Mengikut Rakan Dagangan Utama, 2022

Pada tahun 2022, Singapore mencatat bahagian eksport tertinggi dengan RM232.5 bilion (15.0%). Taiwan, Province of China mencatatkan RM210.6 bilion (13.6%) sementara United States menyumbang RM167.2 (10.8%), Japan dengan RM98.7 bilion (6.4%), dan Hong Kong dengan RM95.6 (6.2%). Lain-lain negara mencatatkan bahagian terbesar dengan RM745.4 bilion (48.1%) seperti yang ditunjukkan dalam **Carta 34**.

Carta 34: Sumbangan Eksport Malaysia mengikut Rakan Dagangan Utama, 2022




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)

Sumbangan Import Malaysia Mengikut Dagangan Utama, 2022

Pada tahun 2022, Taiwan, Province of China mencatatkan bahagian import terbesar dengan RM275.8 bilion (21.3%), diikuti oleh Singapore dengan RM135.0 bilion (10.4%). Taiwan, Province of China mendapat menyumbang sebanyak RM106.0 bilion (8.2%), sementara United States menyumbang RM100.0 bilion (7.8%), dan Japan mencatatkan RM83.0 bilion (6.4%). Sebahagian besar import, sebanyak RM593.3 bilion (45.9%), datang dari negara-negara lain seperti pada yang ditunjukkan dalam **Carta 35**.

Carta 35: Sumbangan Import Malaysia mengikut Rakan Dagangan Utama, 2022



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)


Menelusuri Prestasi Imbangan Pembayaran Malaysia

Trend dalam Imbangan Akaun Semasa, 1981-2024

Imbangan Akaun Semasa (CAB) merupakan komponen utama dalam Imbangan Pembayaran (BOP) Malaysia yang mencerminkan transaksi ekonomi negara dengan negara lain di seluruh dunia. Dengan kata lain, ia menunjukkan kedudukan kewangan Malaysia dalam ekonomi global. Lebih menunjukkan bahawa negara mempunyai simpanan lebih tinggi daripada perbelanjaan antarabangsa, manakala defisit menunjukkan pergantungan kepada modal asing untuk membiayai penggunaan dan pelaburan domestik. Empat komponen utama CAB adalah Akaun Barangan, Akaun Perkhidmatan, Pendapatan Primer dan Pendapatan Sekunder.

CAB Malaysia telah menunjukkan daya tahan sepanjang beberapa dekad, beralih daripada defisit berterusan pada 1980-an kepada lebih berterusan sejak akhir tahun 1990-an. CAB Malaysia terus mencatatkan defisit sebanyak RM21.6 bilion pada tahun 1995, menunjukkan ketidakseimbangan perdagangan yang berterusan serta aliran keluar modal yang tinggi, walaupun prestasi eksport terus berkembang pesat. Namun, menjelang akhir 1990-an, pertumbuhan eksport yang kukuh serta dasar perindustrian telah mengubah kepada lebih CAB. Pada tahun 2008, Malaysia mencapai lebih CAB yang tertinggi sebanyak RM131.4 bilion bagi tempoh tahun 1981-2024, didorong oleh permintaan global yang kukuh terhadap komoditi serta peningkatan hasil eksport. Walaupun berdepan dengan krisis kewangan global, eksport dan import Malaysia tetap meningkat, mencerminkan daya tahan sektor perdagangan Malaysia pada ketika itu. Momentum positif ini berterusan selama lebih dua dekad, dengan merekodkan lebih sebanyak RM27.7 bilion pada tahun 2024. Lebih CAB pada tahun 2024 ini didorong terutamanya oleh eksport bersih barangan sebanyak RM114.5 bilion. Walaupun kejutan luaran secara berkala telah mempengaruhi keseimbangan akaun ini, kepelbagaian portfolio perdagangan dan ekonomi berorientasikan eksport telah memastikan kestabilan Malaysia. Melangkah ke hadapan, mengekalkan kedudukan luaran yang kukuh memerlukan penyesuaian dasar secara berterusan, pengukuhan dalam perjanjian perdagangan dan usaha memperkukuh eksport bernilai tinggi dalam industri baru muncul (**Carta 36**).

Carta 36: Imbangan Akaun Semasa (CAB), 1981 – 2024




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)

Akaun Barangan memainkan peranan yang signifikan dalam CAB Malaysia. Pada awal tahun 1980-an, imbangan perdagangan berubah-ubah, dengan defisit direkodkan pada tahun 1981 dan 1982 disebabkan oleh import yang lebih tinggi. Walau bagaimanapun, sejak tahun 1990-an dan seterusnya, perdagangan telah berkembang selaras dengan dasar perindustrian berorientasikan eksport Malaysia yang memacu pertumbuhan eksport, terutamanya dalam sektor elektronik dan minyak sawit. Pada 1998, lebih perdagangan meningkat secara mendadak daripada RM10.3 bilion pada 1997 kepada RM69.2 bilion, disokong oleh peningkatan eksport. Eksport meningkat dengan ketara daripada RM374.0 bilion pada tahun 2000 kepada RM481.9 bilion pada tahun 2004, mencerminkan permintaan antarabangsa yang kukuh. Lebih perdagangan turut meningkat, mencapai kemuncaknya pada RM139.5 bilion pada tahun 2006. Namun begitu, krisis kewangan pada tahun 2008 telah mengganggu perdagangan global, menyebabkan penurunan dalam kedua-dua import dan eksport.

Pada tahun 2010, eksport berjumlah RM602.6 bilion, manakala import berjumlah RM478.4 bilion, menyebabkan lebih perdagangan sebanyak RM124.2 bilion. Lebih ini dikukuhkan dengan penyertaan aktif Malaysia dalam rantai bekalan global, terutamanya dalam eksport barangan elektronik, minyak dan gas, serta komoditi. Sepanjang pandemik COVID-19, eksport meningkat akibat permintaan global yang lebih tinggi bagi elektronik, bekalan perubatan dan semikonduktor, yang dipacu oleh bekerja jarak jauh, pendigitalan dan sektor penjagaan kesihatan. Selain itu, harga komoditi yang lebih tinggi, kepelbagaian rantai bekalan dan dasar eksport yang kukuh merencanakan pertumbuhan perdagangan, mendorong eksport melebihi RM1.2 trilion pada tahun 2022 walaupun berlaku kemerosotan ekonomi. Walau bagaimanapun, menjelang tahun 2024, lebih perdagangan merosot kepada RM117.1 bilion, berkemungkinan disebabkan oleh peningkatan paras import.

Carta 37: Akaun Barangan dan Perkhidmatan (Bersih), 1981 – 2024



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)

Akaun Perkhidmatan merangkumi komponen seperti Perjalanan, Pengangkutan, Perkhidmatan kewangan, Perkhidmatan telekomunikasi, komputer & maklumat, Pembinaan, serta Perkhidmatan perniagaan lain. Dari tahun 1970-an hingga 1990-an, Malaysia secara konsisten mencatatkan defisit perdagangan perkhidmatan, dengan jurang yang semakin melebar berikutan pembayaran bagi perkhidmatan asing yang meningkat lebih cepat berbanding penerimaan (**Carta 37**).


Menjelang akhir tahun 1990-an, apabila ekonomi Malaysia menjadi lebih terbuka dan global, defisit Akaun perkhidmatan semakin melebar, mencerminkan peningkatan pergantungan negara terhadap kepakaran dan perkhidmatan asing. Sebagai contoh, pada tahun 1997, defisit perkhidmatan mencecah RM22.8 bilion, disebabkan oleh peningkatan pembayaran bagi pendapatan pelaburan, pengangkutan kargo, insurans dan perkhidmatan lain. Sehubungan itu, komponen Perjalanan mula berkembang pada tahun 1999, mencatatkan lebih sebanyak RM11.2 bilion pada tahun 2000. Sepanjang tahun 2000-an dan 2010-an, industri pelancongan terus berkembang, menjadikan Malaysia sebagai destinasi pelancongan yang utama di Asia Tenggara, menarik jutaan pelancong setiap tahun. Perkembangan ini sejajar dengan pelancaran kempen "*Malaysia Truly Asia*" bagi meraikan ulang tahun kemerdekaan negara yang ke-50. Selain itu, sektor pelancongan dan perjalanan mendapat rangsangan besar dengan perkembangan syarikat penerbangan tambang murah yang mula beroperasi pada akhir 1990-an dan berkembang pesat pada awal 2000-an. Hasil daripada inisiatif ini, Malaysia mencatatkan lebih sebanyak RM1.4 bilion buat kali pertama pada tahun 2007, dipacu oleh peningkatan hasil dalam sektor pelancongan. Trend ini berterusan selama beberapa tahun. Namun, defisit kembali dicatatkan semula pada tahun 2012 dengan jumlah RM8.5 bilion, disebabkan oleh peningkatan kos pengangkutan, pergantungan tinggi kepada perkhidmatan profesional import, serta pembayaran hak harta intelek yang semakin meningkat.

Kemelesetan berlaku pada tahun 2020 dan 2021 apabila defisit telah meningkat dengan ketara masing-masing kepada RM47.2 bilion dan RM65.7 bilion, akibat ketidaktentuan global seperti pandemik COVID-19. Penerimaan perkhidmatan merosot sementara pembayaran kekal tinggi yang telah memburukkan lagi ketidakseimbangan perdagangan. Pandemik COVID-19 memberi kesan mendalam ke atas komponen Perjalanan dengan defisit sebanyak RM7.6 bilion pada tahun 2020 (2019: lebih RM30.8 bilion). Bermula dari tahun 2023, komponen Perjalanan menunjukkan tanda-tanda pemulihan yang disokong oleh kelonggaran sekatan perjalanan, peningkatan ketibaan pelancong antarabangsa dan inisiatif kerajaan bagi merangsang sektor pelancongan. Pada tahun 2024, Akaun perkhidmatan merekodkan defisit lebih rendah sebanyak RM13.9 bilion, peningkatan yang ketara berbanding defisit RM43.2 bilion pada tahun 2023. Trend positif ini didorong oleh lebih banyak perjalanan yang lebih tinggi dalam Perjalanan dan Perkhidmatan pembuatan, serta pengurangan defisit dalam Perkhidmatan perniagaan lain.

Akaun Pendapatan Primer Malaysia yang merangkumi aliran pendapatan pelaburan, secara konsisten telah mencatatkan defisit dari tahun 1999 hingga 2024. Ini disebabkan oleh pendapatan pelaburan yang besar yang dijana oleh syarikat asing yang beroperasi di Malaysia.

Pada tahun 1990-an dan awal 2000-an, defisit dalam Pendapatan Primer semakin meningkat berikutan peningkatan syarikat asing melabur di Malaysia, mencapai RM24.4 bilion pada tahun 2004. Ketika pandemik COVID-19 pada tahun 2020, defisit dalam Pendapatan Primer mengecil buat sementara waktu kepada RM28.5 bilion akibat aktiviti perniagaan global yang perlahan, mengurangkan pemulangan keuntungan oleh pelabur asing. Walau bagaimanapun, pemulihan ekonomi pasca-pandemik telah menunjukkan defisit melebihi RM50 bilion sejak tahun 2022. Dari masa ke masa, pelaburan Malaysia ke luar negara turut meningkat, menghasilkan penerimaan pendapatan yang lebih tinggi sebanyak RM95.2 bilion pada tahun 2024. Walau bagaimanapun, ianya masih tidak mencukupi untuk mengimbangi jumlah pembayaran yang mencecah RM156.7 bilion pada tahun tersebut. Walaupun usaha telah dilakukan untuk memperkukuhkan kehadiran syarikat Malaysia di peringkat antarabangsa, Pendapatan primer bersih kekal defisit disebabkan oleh aliran masuk pelaburan dan pendapatan syarikat asing di Malaysia yang lebih besar berbanding syarikat Malaysia yang beroperasi di luar negara (**Carta 38**).

Carta 38: Akaun Pendapatan Primer dan Sekunder (Bersih), 1981 – 2024



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)


Akaun Pendapatan Sekunder Malaysia telah mencatatkan defisit secara konsisten dari tahun 1981 hingga 2024. Defisit ini terutamanya didorong oleh kiriman wang yang dihantar ke luar negara oleh pekerja asing serta sumbangan kewangan Malaysia kepada organisasi antarabangsa dan program bantuan asing. Defisit dalam Akaun Pendapatan Sekunder menggambarkan pemindahan wang tanpa pulangan ekonomi langsung, seperti kiriman wang peribadi dan pemindahan kerajaan.

Pada tahun 2000, Akaun Pendapatan Sekunder mencatatkan defisit sebanyak RM7.3 bilion, meningkat kepada lebih RM20 bilion menjelang tahun 2010. Beberapa tahun kebelakangan ini, tenaga buruh asing yang besar di Malaysia telah menyumbang kepada aliran keluar bersih yang berterusan apabila kiriman wang yang dihantar ke negara asal melebihi penerimaan pemindahan peribadi. Akaun ini mencatatkan defisit yang lebih rendah sebanyak RM8.9 bilion pada tahun 2024, peningkatan daripada RM11.8 bilion pada tahun 2023. Ini didorong oleh peningkatan penerimaan sebanyak RM39.1 bilion dengan pertumbuhan 17.4 peratus berbanding pembayaran yang berjumlah RM47.9 bilion.

Evolusi Pelaburan Langsung Asing di Malaysia, 1981-2024

Pelaburan langsung asing (FDI) memainkan peranan penting dalam transformasi Malaysia menjadi sebuah negara moden dan berdaya saing. Ia mencerminkan kerjasama yang semakin kukuh antara Malaysia dan syarikat antarabangsa, membawa negara ini daripada asas pertanian yang sederhana kepada kedudukan yang berprestij di peringkat global. Naratif artikel ini mengenai evolusi FDI di Malaysia, merangkumi tempoh kegemilangan dan cabaran, serta kesannya yang berterusan terhadap pembangunan Malaysia (**Carta 39**).

Carta 39: Prestasi Pelaburan Langsung Asing di Malaysia (FDI), 1981 - 2024



Transformasi ekonomi Malaysia bermula pada tahun 1980-an apabila negara beralih daripada ekonomi berasaskan pertanian kepada ekonomi berorientasikan perindustrian dan eksport. Dasar Pandang ke Timur yang diperkenalkan 1981 memainkan peranan penting dalam menarik pelaburan asing, khususnya dari Japan dan Korea, Republic of, sekali gus mempercepatkan pembangunan industri. Walaupun aliran masuk FDI berubah-ubah tetapi ia menunjukkan peningkatan ketara daripada RM2.9 bilion pada tahun 1981 kepada RM7.1 bilion menjelang tahun 1990, mencerminkan keberkesanan dasar strategik dan pembangunan infrastruktur negara. Malaysia menarik minat syarikat asing untuk menubuhkan industri pembuatan, terutamanya dalam sektor elektronik dan semikonduktor, dengan memanfaatkan kedudukannya di Asia Tenggara. Sehubungan itu, aliran masuk FDI terus meningkat daripada RM11.1 bilion pada tahun 1991 kepada RM14.6 bilion pada tahun 1995, mencapai RM18.4 bilion pada tahun 1996.


Namun, era kegemilangan ini terganggu apabila Krisis Kewangan Asia melanda pada tahun 1997, menyebabkan FDI merosot kepada RM10.7 bilion pada tahun 1998 berikutan ketidakpastian global yang menggugat keyakinan pelabur. Krisis ini mengakibatkan pengaliran keluar modal yang besar, kejatuhan nilai ringgit Malaysia, serta penurunan keyakinan pelabur. Sebagai langkah pemulihan, kerajaan memperkenalkan kawalan modal, menetapkan kadar tukaran ringgit kepada dolar AS, dan memberikan sokongan kewangan kepada industri utama. Langkah-langkah ini berjaya menstabilkan ekonomi negara, namun aliran masuk FDI kekal rendah, mencatat paras terendah RM2.1 bilion pada tahun 2001.

Berikutan krisis ini, Malaysia beralih kepada ekonomi berasaskan pengetahuan dengan menekankan pembangunan teknologi, kewangan dan perkhidmatan digital, sekali gus menarik pelaburan asing yang lebih besar. Peralihan ini menyaksikan kebangkitan semula FDI, meningkat daripada RM12.2 bilion pada tahun 2002 kepada RM17.6 bilion pada tahun 2004 dan mencapai kemuncak RM29.5 bilion pada tahun 2007. Walau bagaimanapun, Krisis Kewangan Global 2008 memberi kesan ketara terhadap aliran pelaburan, menyebabkan FDI merosot mendadak kepada RM5.1 bilion pada tahun 2009.

Di sebalik ketidakpastian global, Malaysia terus menarik FDI dalam sektor teknologi tinggi, ekonomi digital dan tenaga boleh diperbaharui. Tahun 2010-an menyaksikan aliran masuk FDI yang stabil, mencerminkan keyakinan terhadap potensi jangka panjang Malaysia dengan rekod tertinggi RM47.0 bilion pada tahun 2016. Namun, ketegangan global seperti perang perdagangan AS-China (2018-2019) mula mengganggu pola FDI. Tatkala syarikat mencari alternatif untuk mengurangkan tarif dan risiko geopolitik, Malaysia muncul sebagai destinasi menarik bagi syarikat yang ingin memindahkan operasi pembuatan mereka dari China. Pandemik COVID-19 ini memberi cabaran yang besar, menyebabkan ketidakpastian global terhadap perdagangan dan sektor Pembuatan, serta menyebabkan kemerosotan FDI kepada RM13.3 bilion pada tahun 2020.

Namun demikian, pemulihan ekonomi mula dirasai apabila keyakinan pelabur kembali pulih. FDI melonjak kepada RM75.4 bilion pada tahun 2022, didorong oleh sektor Pembuatan dan perkhidmatan. Pada tahun 2023, ekonomi global lebih berwaspada akibat kenaikan kadar faedah, ketegangan geopolitik dan tekanan inflasi menyebabkan FDI menyederhana kepada RM40.4 bilion, sebelum meningkat sedikit kepada RM47.4 bilion pada tahun 2024. Walaupun berlaku ketidaktentuan, Malaysia kekal sebagai hab pelaburan utama di Asia Tenggara, terutamanya dalam tenaga hijau, perkhidmatan digital dan pembuatan berteknologi tinggi (Carta 40).

Carta 40: Aliran FDI mengikut Sektor, 2008-2024



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)

Nota: Nilai negatif merujuk kepada aliran keluar

Pelaburan Langsung di Luar Negeri, 2001-2024

Pelaburan Langsung di Luar Negeri (DIA) merujuk kepada pelaburan oleh syarikat domestik yang melabur dalam ekonomi asing melalui pemerolehan, usaha sama atau penubuhan anak syarikat. Bagi ekonomi membangun seperti Malaysia, DIA menyokong pertumbuhan ekonomi dengan membolehkan syarikat tempatan meneroka pasaran baharu, memperoleh teknologi canggih dan meningkatkan daya saing. DIA juga membantu syarikat mengurangkan kebergantungan kepada pasaran domestik, di samping membawa pulang kepakaran, teknologi dan pulangan modal yang bernilai, dan merangsang ekonomi Malaysia dalam jangka panjang. Walau bagaimanapun, ketidaktentuan trend DIA mencerminkan cabaran ekonomi yang lebih meluas, seperti krisis kewangan, perubahan dasar dan gangguan global yang tidak dijangka seperti pandemik COVID-19.

Melihat kepada statistik, pelaburan Malaysia di luar negeri mencatat aliran keluar secara konsisten, mencerminkan pemindahan modal ke pasaran asing. Aliran keluar bersih DIA Malaysia meningkat dengan ketara, melonjak daripada RM1.0 bilion pada tahun 2001 kepada RM38.9 bilion pada tahun 2007 dan RM49.9 bilion pada tahun 2008, menunjukkan pengaruh syarikat Malaysia yang semakin meluas di peringkat global. Sepanjang tempoh ini, syarikat Malaysia mengembangkan operasi mereka secara berperingkat melalui Ekuiti dan dana pelaburan saham. Fasa pertumbuhan ini adalah sejajar dengan perkembangan perindustrian yang pesat di Malaysia dan peningkatan penyertaan dalam perjanjian perdagangan serantau yang menggalakkan syarikat tempatan untuk meneroka pasaran baharu.

Walaupun bagaimanapun, krisis kewangan global 2008 telah menjejaskan trajektori pertumbuhan yang menyebabkan penurunan mendadak pada tahun 2009, apabila aliran keluar pelaburan bersih merosot kepada RM27.4 bilion. Kemerosotan ini terutamanya disebabkan oleh pengurangan suntikan modal ke negara ASEAN dan Eropah. Ketidaktentuan ekonomi yang meluas dan keyakinan korporat yang lemah turut mempengaruhi sentimen pelabur, terutamanya dalam sektor Perkhidmatan kewangan dan Perlombongan & pengkuarian.

Susulan pemulihan pasca-krisis, aliran keluar DIA Malaysia kekal tinggi, dengan aliran keluar antara RM41.2 bilion dan RM53.6 bilion. Pemulihan ini didorong oleh aliran keluar yang kukuh dalam Instrumen hutang dan pengembangan berterusan syarikat multinasional Malaysia, terutamanya di rantau Asia.

Malaysia mengalami trend penurunan dalam DIA, bermula tahun 2016 sehingga mencatat aliran keluar sebanyak RM20.6 bilion pada tahun 2018. Penurunan ini sebahagian besarnya dipengaruhi oleh Ekuiti dan dana pelaburan saham yang lebih rendah, khususnya dalam sektor Perkhidmatan, Pembinaan dan Pertanian.


Pandemik COVID-19 terus menjejaskan aliran pelaburan, menyebabkan aliran keluar bersih DIA menjunam kepada RM10.2 bilion pada tahun 2020, merupakan paras terendah dalam tempoh hampir dua dekad. Krisis global yang belum pernah terjadi sebelum ini telah mencipta ketidaktentuan ekonomi, gangguan rantai bekalan dan kekangan kewangan yang menyumbang kepada penurunan keuntungan syarikat Malaysia di luar negeri. Selain itu, sektor Perlombongan & pengkuarian turut terjejas dengan ketara akibat kejatuhan harga komoditi global.

Apabila pasaran global mula pulih daripada pandemik COVID-19, aliran keluar pelaburan kembali meningkat ketara pada tahun 2022, mencapai RM62.8 bilion, yang tertinggi sejak tahun 2014. Peningkatan ini sebahagian besarnya disebabkan oleh kenaikan aliran keluar dalam Ekuiti dan Pelaburan dilabur semula di luar negeri. Secara keseluruhan, destinasi utama DIA adalah ke Netherlands, Indonesia dan Singapore. Situasi ekonomi yang menggalakkan ini menandakan keyakinan pelabur yang diperbaharui, pemulihan pasaran global dan iklim perniagaan yang bertambah baik yang mendorong syarikat tempatan untuk berkembang dan mempelbagaikan pelaburan di luar negeri.

Pada tahun 2024, DIA kekal pada kadar sederhana, mencapai RM36.4 bilion. Aliran keluar bersih ini adalah lebih rendah berbanding RM40.6 bilion pada tahun sebelumnya, terutamanya disebabkan oleh penyelesaian pembayaran yang diterima dari luar negeri dalam bentuk Instrumen hutang. Aliran keluar ini kebanyakannya daripada sektor Perkhidmatan dan Pembinaan, dengan pelaburan utama tertumpu ke Singapore dan Indonesia.

Dalam tempoh ini, DIA Malaysia telah berkembang melalui pelbagai fasa ekonomi, menunjukkan ketahanan dalam menghadapi krisis kewangan, perubahan dasar dan gangguan global. Melangkah ke hadapan, mengekalkan pertumbuhan DIA memerlukan dasar yang menyokong, perkongsian serantau yang kukuh dan kebolehsuaian korporat terhadap keadaan pasaran global. Peranan Malaysia dalam pelaburan antarabangsa dijangka terus berkembang dengan tumpuan kepada kepelbagaian ekonomi jangka panjang dan usaha pelaburan strategik di luar negeri.

Carta 41: Prestasi Pelaburan di Luar Negeri, 2001-2024




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)

Nota: p merujuk kepada awalan

r merujuk kepada semakan

Carta 42: Aliran DIA mengikut Komponen, 2005-2024



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)

Nota: Nilai negatif merujuk kepada aliran keluar
p merujuk kepada awalan
r merujuk kepada semakan

Trend Inflasi dari Masa ke Masa

Indeks Harga Pengguna (IHP) mengukur perubahan peratusan kos pembelian mengikut masa bagi “bakul” tetap barangan dan perkhidmatan yang mewakili corak purata pembelian oleh isi rumah pada sesuatu tempoh masa yang ditetapkan. IHP merupakan kaedah yang digunakan untuk mengukur kadar inflasi dalam ekonomi. Inflasi akan terus berubah seiring dengan perubahan ekonomi. Perubahan harga komoditi, kenaikan harga minyak global, pengukuhan matawang dan isu geopolitik merupakan antara faktor yang menyumbang kepada kadar inflasi di Malaysia. Pengurusan mengekang inflasi dilihat semakin mencabar memandangkan kenaikan harga barang dan perkhidmatan dipengaruhi oleh faktor di dalam negara mahupun di peringkat global.

Wajaran Indeks Harga Pengguna

Malaysia telah mengalami transformasi yang signifikan dalam struktur ekonomi sejak beberapa dekad yang lalu iaitu dari ekonomi berasaskan pertanian ke ekonomi yang lebih berorientasikan pembuatan dan perkhidmatan. Perubahan ini mencerminkan kemajuan negara dalam pelbagai sektor ekonomi, sekali gus menyumbang kepada kemakmuran dan pembangunan negara. Perubahan struktur ekonomi ini secara tidak langsung telah meningkatkan pendapatan rakyat Malaysia. Apabila pendapatan isi rumah meningkat, corak perbelanjaan isi rumah juga telah berubah. Ini dapat dilihat melalui wajaran yang digunakan di dalam pengiraan IHP (**Jadual 5**).

Jadual 5: Wajaran mengikut Kumpulan Utama, Indeks Harga Pengguna

Kumpulan Utama		1980=100	1990=100	2000=100	2010=100	
					2010	2024
01	Makanan & Minuman	36.9	33.7	33.8	30.3	29.8
02	Minuman Alkohol & Tembakau	4.7	4.3	3.1	2.2	1.9
03	Pakaian & Kasut	4.8	4.0	3.4	3.4	2.7
04	Perumahan, Air, Elektrik, Gas & Bahan Api Lain	18.7	20.2	22.4	22.6	23.2
05	Hiasan, Perkakasan & Penyelenggaraan Isi Rumah	5.8	5.8	5.3	4.1	4.3
06	Kesihatan	1.2	1.8	1.8	1.3	2.7
07	Pengangkutan	16.0	18.6	18.8	14.9	11.3
08	Maklumat & Komunikasi				5.7	6.6
09	Rekreasi, Sukan & Kebudayaan				4.6	3.0
10	Pendidikan	6.4	5.2	5.9	1.4	1.3
11	Restauran & Perkhidmatan Penginapan				3.2	3.4
12	Insurans & Perkhidmatan Kewangan					4.0
13	Penjagaan Diri, Perlindungan Sosial & Pelbagai Barangan & Perkhidmatan	5.5	6.4	5.5	6.3	5.8
Jumlah		100.0	100.0	100.0	100.0	100.0


Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)

Dalam tempoh menghampiri lima dekad, perbelanjaan isi rumah banyak diperuntukkan untuk perbelanjaan kepada Makanan & Minuman. Pada tahun 1980, sebanyak 36.9 peratus daripada jumlah perbelanjaan isi rumah adalah untuk kumpulan ini dan ianya semakin berkurang kepada 29.8 peratus pada tahun 2024. Namun begitu, agihan perbelanjaan untuk Perumahan, Air, Elektrik, Gas & Bahan Api Lain; Maklumat & Komunikasi dan Restoran & Perkhidmatan Penginapan masing-masing meningkat dalam tempoh rujukan.

Sorotan Inflasi: Menghampiri Lima Dekad

Secara umumnya, dalam tempoh menghampiri lima dekad ini (1980 hingga 2024) menyaksikan secara purata inflasi tahunan di Malaysia berada para paras 2.7 peratus, berdasarkan pengiraan kadar pertumbuhan purata tahunan (CAGR). Inflasi tertinggi yang pernah direkodkan adalah pada tahun 1981 dengan kadar 9.7 peratus, manakala kadar inflasi terendah dicatatkan pada 2020, iaitu pada kadar negatif 1.2 peratus (**Carta 43**).

Carta 43: Inflasi Keseluruhan, Malaysia, 1981 – 2024




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)

Inflasi tertinggi yang direkodkan sepanjang tempoh hampir lima dekad iaitu pada tahun 1981 telah disumbangkan terutamanya oleh kumpulan Makanan & Minuman yang meningkat sebanyak 11.4 peratus. Kenaikan harga yang tinggi ini telah dicatatkan terutamanya oleh gula, susu & telur dan ikan. Kesan kenaikan harga minyak pada akhir tahun 1970-an telah menyebabkan peningkatan kos pengeluaran dan pengangkutan makanan, yang secara tidak langsung memberi tekanan kepada inflasi kumpulan Makanan & Minuman. Situasi ini secara terus turut memberi kesan kepada inflasi Pengangkutan yang merekodkan peningkatan 7.9 peratus pada tahun yang sama (**Carta 44**).

Ekonomi Malaysia telah menunjukkan kesan daripada krisis kewangan serantau yang berlaku pada tahun 1998. Begitu juga dengan inflasi Malaysia yang mengalami peningkatan signifikan iaitu 5.3 peratus kesan daripada penyusutan ringgit yang mendadak dan telah meningkatkan kos barangan import seperti makanan. Keadaan ini telah mendorong inflasi bagi kumpulan Makanan & Minuman yang mencatatkan peningkatan kepada 8.9 peratus pada tahun 1998. Antara langkah intervensi daripada Kerajaan adalah dengan meningkatkan harga siling bagi beberapa item makanan terpilih iaitu minyak masak, ayam, tepung, gula, dan susu untuk mengurangkan kesan ke atas kenaikan kos import barangan tersebut.

Inflasi Malaysia pada tahun 2008 berada pada trend yang meningkat kepada 5.4 peratus yang didorong oleh kesan kenaikan mendadak harga minyak mentah dunia (Brent) yang telah mencecah paras USD97.64 setong pada tahun 2008 berbanding USD72.70 setong pada tahun 2007. Ini sekaligus menyebabkan kerajaan terpaksa menaikkan harga minyak dan diesel secara mendadak pada Jun 2008 dengan harga petrol dinaikkan sebanyak 78 sen seliter kepada RM2.70 seliter manakala harga diesel turut dinaikkan sebanyak RM1.00 kepada RM2.58 seliter berbanding RM1.58 pada bulan sebelumnya. Ini menyebabkan inflasi bagi kumpulan Pengangkutan pada tahun 2008 meningkat kepada 8.8 peratus (2007: 2.3%).

Carta 44: Inflasi mengikut Kumpulan Utama Terpilih, Malaysia, 1981 – 2023



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)

Pandemik COVID-19 yang berlaku pada 2020, telah menyebabkan inflasi berada pada paras yang paling rendah buat pertama kalinya sepanjang tempoh hampir lima dekad iaitu pada kadar negatif 1.2 peratus. Situasi yang melanda ini tidak seperti krisis kewangan yang pernah melanda dunia seperti Krisis Kewangan Asia 1997 dan Kemelesetan Ekonomi 2007 hingga 2008. Keadaan ini mengambil tempoh masa yang agak lama untuk pulih. Secara keseluruhannya, penurunan negatif 1.2 peratus ini disumbangkan oleh inflasi Pengangkutan (-10.0%) dan Perumahan, Air, Elektrik, Gas & Bahan Api Lain (-1.7%).

Penurunan ketara inflasi Pengangkutan yang mencatatkan pada paras negatif telah disumbangkan oleh penurunan harga Petrol tanpa plumbum RON95 oleh pihak Kerajaan pada harga yang lebih rendah iaitu RM1.67 per liter pada tahun 2020 berbanding RM2.06 per liter pada 2019. Di samping itu, purata harga Petrol Tanpa Plumbum RON97 menurun kepada RM1.99 per liter pada tahun 2020 berbanding RM2.55 per liter pada tahun 2019, manakala purata harga Diesel menurun kepada RM1.80 per liter berbanding RM2.18 pada tahun sebelumnya. Selari dengan harga minyak mentah Brent pada 2020 yang menurun 33.9 peratus kepada USD42.30 setong dari USD64.03 setong pada 2019. Kejatuhan harga minyak ini berikutan permintaan semakin berkurangan dan perang harga minyak antara Arab Saudi dan Rusia.

Pemberian diskaun ke atas bil elektrik penggunaan domestik melalui Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN) yang dilaksanakan pada April 2020 secara langsung menyumbang kepada penurunan inflasi Perumahan, Air, Elektrik, Gas & Bahan Api Lain.

Inflasi pada tahun 2024 meningkat lebih perlahan kepada 1.8 peratus berbanding 2.5 peratus bagi tempoh yang sama tahun 2023. Peningkatan ini didorong oleh kumpulan Makanan & Minuman yang meningkat lebih sederhana kepada 2.0 peratus berbanding 4.8 peratus bagi tempoh yang sama tahun 2023. Kesan asas dan kestabilan harga pelbagai bahan mentah seperti beras, tepung gandum, ayam dan telur telah meredakan inflasi ini.

Walau bagaimanapun, inflasi bagi Perumahan, Air, Elektrik, Gas & Bahan Api Lain meningkat lebih tinggi pada kadar 3.0 peratus berbanding 1.7 peratus yang direkodkan pada tahun 2023. Kenaikan ini disumbangkan oleh peningkatan kadar caj pembetulan pada Januari 2024. Di samping itu, tarif air turut meningkat secara berperingkat mengikut negeri bermula Februari 2024.

Secara keseluruhan, inflasi di Malaysia telah melalui pelbagai fasa, yang dipengaruhi oleh faktor domestik dan global. Wujudnya indikator penting seperti inflasi dapat merangsang pertumbuhan ekonomi, menggalakkan perbelanjaan dan pelaburan negara serta meningkatkan pendapatan peniagaan. Menerusi inflasi, langkah-langkah pengurusan ekonomi termasuk dasar monetari dan fiskal serta pengurusan belanjawan dapat dilaksanakan dengan lebih efisien.

Evolusi Indeks Harga Pengeluar (IHPR) Pengeluaran Tempatan

Indeks Harga Pengeluar (IHPR) Pengeluaran Tempatan Malaysia merupakan indeks berasaskan output yang mengukur perubahan harga barangan tempatan di pintu kilang. Indeks ini digunakan untuk memantau pergerakan harga output barangan tempatan dan juga sebagai petunjuk awalan kepada Indeks Harga Pengguna (IHP). IHPR yang pertama telah disusun pada tahun 1973 bagi Semenanjung Malaysia menggunakan tahun asas 1972. Sejak itu, IHPR telah melalui beberapa siri pembangunan yang bukan sahaja telah menambah baik metodologi yang digunakan, malah ia telah dijadikan sebagai salah satu penunjuk ekonomi utama negara. Selepas tahun asas 1972, IHPR telah dikira menggunakan tahun asas 1978, 1989, 2000, 2005 dan yang terkini disusun menggunakan 2010 sebagai tahun asas.

Bermula tahun 1973 hingga 1983, IHPR Pengeluaran Tempatan disusun berdasarkan kumpulan komoditi menggunakan Standard International Trade Classification (SITC). Ia merangkumi sembilan (9) kumpulan yang diterbitkan secara suku tahunan, iaitu: Makanan dan binatang hidup yang boleh dimakan (kumpulan 0), Minuman dan tembakau (kumpulan 1), Bahan mentah tidak boleh dimakan kecuali bahan api (kumpulan 2), Minyak galian, pelicin dan bahan yang berhubungan (kumpulan 3), Minyak dan lemak haiwan & sayur-sayuran (kumpulan 4), Kimia dan keluaran kimia t.t.t.l. (kumpulan 5), Barang perkilangan dijeniskan dikelaskan terutamanya mengikut bahan (kumpulan 6), Alat jentera dan kelengkapan pengangkutan (kumpulan 7) dan Pelbagai barang keluaran kilang (kumpulan 8). Dalam tempoh antara 1972 hingga 1979, IHPR Pengeluaran Tempatan meningkat dengan ketara daripada 126.2 kepada 195.4 mata indeks, mencatat pertumbuhan dua digit hampir setiap tahun, kecuali pada tahun 1975 yang mengalami penurunan 7.6 peratus (Jadual 6).


Jadual 6: Harga Pengeluar (IHPR) Pengeluaran Tempatan mengikut Sektor, 2011-2024

IHPR mengikut Sektor	2010=100													
	2011	2012	2013	2014	2015	2016	2017	2018	2019	2020	2021	2022	2023	2024
Jumlah	112.3	111.8	108.8	110.4	102.2	101.1	107.9	106.7	105.2	102.4	112.1	120.8	118.5	118.9
Pertanian, perhutanan dan perikanan	119.6	105.9	94.2	95.9	92.2	107.2	114.7	98.7	94.8	109.7	142.8	144.7	124.8	134.7
Perlombongan	136.1	141.1	140.6	134.8	86.1	72.9	90.9	106.8	102.9	65.5	92.5	104.2	98.1	96.1
Pembuatan	109.0	109.0	106.4	108.7	104.8	103.5	109.0	107.0	106.0	105.6	111.4	120.8	120.5	120.1
Bekalan elektrik dan gas	103.9	107.2	107.9	119.0	113.5	112.5	114.6	115.9	117.6	117.1	116.6	117.4	117.9	118.6
Bekalan air	104.2	104.1	106.6	107.6	110.3	114.2	114.1	114.4	111.9	111.7	112.3	115.2	118.0	125.7

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)

Bermula pada tahun 1979, IHPR Pengeluaran Tempatan telah disusun di peringkat Malaysia, termasuk harga pengeluar dari Sarawak, Sabah dan W.P. Labuan dengan mengambil kira 1978 sebagai tahun asas (1978=100). Sama seperti tahun asas 1972, IHPR Pengeluaran Tempatan disusun secara suku tahunan yang merangkumi lapan (8) kumpulan komoditi menggunakan SITC. Selepas penyusunan semula pada tahun 1979, IHPR mencatatkan mata indeks 112.5 pada 1979 dan terus meningkat sehingga mencapai 133.1 mata pada 1988. Sepanjang tempoh 12 tahun (1977–1988), IHPR Pengeluaran Tempatan telah mengalami turun naik, dengan penurunan terendah 8.5 peratus pada tahun 1986 dan peningkatan tertinggi 12.5 peratus pada tahun 1979 (Carta 45).

Carta 45: Indeks Harga Pengeluar, Pengeluaran Tempatan Tahunan, 1972 – 2024



IHPR mengalami penyusunan semula pada tahun 1989, beralih daripada penyusunan suku tahunan kepada bulanan. Penyusunan semula ini memperluaskan liputan kepada 10 kumpulan SITC, dengan penambahan kumpulan Pelbagai perniagaan barangan yang tidak dikelaskan di tempat secara khusus dalam SITC (Kumpulan 9). Pada tahun 1989, IHPR mencatatkan 138.1 mata indeks dengan peningkatan 3.8 peratus dan terus meningkat sehingga tahun 2000. Walau bagaimanapun, semasa Krisis Kewangan Asia 1998, IHPR melonjak 11.2 peratus berbanding 2.5 peratus pada tahun 1997, sebelum mengalami penurunan negatif 3.9 peratus pada tahun 1999.

Kemelesetan ekonomi Malaysia pada tahun 1998 berpunca daripada Krisis Kewangan Asia (1997-1998), yang memberi kesan serius kepada ekonomi di Asia Tenggara. Punca utama termasuklah kejatuhan nilai mata wang dengan Ringgit Malaysia (MYR) menyusut mendadak daripada 2.50 MYR/USD pada pertengahan 1997 kepada hampir 4.80 MYR/USD pada tahun 1998, serta penurunan dalam permintaan domestik telah mengurangkan perbelanjaan pengguna dan aktiviti perniagaan, seterusnya melemahkan ekonomi. Kesannya, Malaysia mengalami kemelesetan ekonomi paling buruk dalam sejarah dengan penyusutan KDNK dan lonjakan inflasi akibat peningkatan kos import.

Bagi menangani krisis kewangan 1998, kerajaan telah melaksanakan dasar ekonomi yang bukan konvensional. Langkah ini termasuklah larangan perdagangan ringgit pesisir luar bagi mengelakkan manipulasi mata wang dan meningkatkan perbelanjaan kerajaan bagi merangsang pertumbuhan ekonomi serta memulihkan keyakinan pelabur. Langkah ini membantu Malaysia pulih lebih cepat daripada jangkaan. Menjelang tahun 1999, KDNK kembali pulih dan IHPR menurun 3.9 peratus disebabkan oleh asas yang lebih tinggi pada tahun 1998.

Bermula tahun 2000, wajaran IHPR dikemaskini setiap lima (5) tahun menggunakan data Banci Ekonomi. IHPR kini meliputi lima (5) sektor ekonomi iaitu sektor Pertanian, perhutanan dan perikanan, sektor Perlombongan, sektor Pembuatan, sektor Bekalan elektrik dan gas serta sektor Bekalan air. Sepanjang tahun 2000-an, Malaysia meneruskan usaha perindustrian dengan memberi tumpuan kepada elektronik, automotif dan petrokimia yang menjadikan sektor Pembuatan sebagai pemacu utama ekonomi. Antara tahun 2000 hingga 2005, IHPR mengalami turun naik, daripada peningkatan 3.6 peratus yang direkodkan pada tahun 2000 kepada penurunan 1.8 peratus pada tahun 2001. Namun, ia kembali meningkat kepada 6.2 peratus pada tahun 2004 (**Jadual 7**).

Jadual 7: Peratus Perubahan Indeks Harga Pengeluar (IHPR) Pengeluaran Tempatan mengikut Sektor Malaysia, 2011-2024

IHPR mengikut Sektor	2010=100													
	2011	2012	2013	2014	2015	2016	2017	2018	2019	2020	2021	2022	2023	2024
Jumlah	12.3	-0.4	-2.7	1.5	-7.4	-1.1	6.7	-1.1	-1.4	-2.7	9.5	7.8	-1.9	0.3
Pertanian, perhutanan dan perikanan	19.6	-11.5	-11.0	1.8	-3.9	16.3	7.0	-13.9	-4.0	15.7	30.2	1.3	-13.8	7.9
Perlombongan	36.1	3.7	-0.4	-4.1	-36.1	-15.3	24.7	17.5	-3.7	-36.3	41.2	12.6	-5.9	-2.0
Pembuatan	9.0	0.0	-2.4	2.2	-3.6	-1.2	5.3	-1.8	-0.9	-0.4	5.5	8.4	-0.2	-0.3
Bekalan elektrik dan gas	3.9	3.2	0.7	10.3	-4.6	-0.9	1.9	1.1	1.5	-0.4	-0.4	0.7	0.4	0.6
Bekalan air	4.2	-0.1	2.4	0.9	2.5	3.5	-0.1	0.3	-2.2	-0.2	0.5	2.6	2.4	6.5

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)

Sementara itu, IHPR meningkat 7.3 peratus pada tahun 2005 sebelum merosot 10.7 peratus pada tahun 2009. Penurunan ini berpunca daripada kesan Krisis Kewangan Global 2008-2009 terhadap ekonomi Malaysia yang bergantung kepada eksport. Walaupun berlaku kelembapan, dasar fiskal yang berhemat dan sektor perbankan yang kukuh membantu mengurangkan kesan ekonomi yang teruk. Kerajaan memperkenalkan pakej rangsangan bagi mengekalkan permintaan domestik, membawa kepada pemulihan yang lebih cepat. Kesannya, IHPR kembali ke indeks positif pada tahun 2010.

Walaupun IHPR Pengeluaran Tempatan terkini menggunakan tahun asas 2010, namun, wajaran bagi bakul IHPR telah dikemaskini menggunakan Banci Ekonomi 2016 (tahun rujukan 2015) menggunakan kaedah chain-linked. Sementara itu, IHPR mengikut peringkat pemprosesan dibentuk setelah komoditi yang disusun semula dan dikelaskan mengikut peringkat pemprosesan yang merangkumi Bahan mentah untuk diproseskan selanjutnya (peringkat 1), Bahan perantaraan, bekalan dan komponen(peringkat 2), serta Barang siap (peringkat 3). Selain itu, IHPR mengikut bahagian komoditi meliputi sembilan (9) kumpulan utama iaitu Makanan, Minuman & Tembakau, Bahan-bahan mentah tidak boleh dimakan, Bahan api, galian pelincir, dll, Minyak & lemak daripada sayuran & haiwan, Bahan kimia, Barang-barang keluaran kilang, Jentera & Peralatan Pengangkutan dan Pelbagai barang keluaran kilang.

Sepanjang tahun 2010-an, Malaysia mengekalkan pertumbuhan ekonomi yang stabil. Sepanjang dekad ini, IHPR Pengeluaran Tempatan mengalami turun naik, dalam julat yang terendah negatif 7.4 peratus pada 2015 kepada paras tertinggi 12.3 peratus pada 2011. Turun naik ini sangat dipengaruhi oleh harga komoditi utama Malaysia, termasuk minyak mentah, gas asli, minyak sawit mentah dan produk semikonduktor. Walau bagaimanapun, pandemik COVID-19 pada tahun 2020 telah menyebabkan gangguan ekonomi akibat sekatan pergerakan serta gangguan rantai bekalan global yang menjejaskan sektor utama termasuk sektor Pembuatan dan Perlombongan. Akibatnya, IHPR menurun 1.4 peratus pada 2019 dan negatif 2.7 peratus pada 2020. Berikutan proses pemulihan, IHPR melantun semula kepada 9.5 peratus pada 2021, disokong oleh langkah rangsangan fiskal kerajaan yang bertujuan membantu peniaga dan individu.

Antara tahun 2000 hingga 2024, ekonomi Malaysia mengalami peningkatan yang ketara, kepelbagaian serta daya tahan yang tinggi walaupun berdepan cabaran global. Pada tahun 2024, IHPR meningkat 0.3 peratus, melonjak semula daripada penurunan 1.9 peratus pada 2023. Pertumbuhan ini dipacu terutamanya oleh peningkatan 7.9 peratus dalam sektor Pertanian, perhutanan dan perikanan, berbanding penguncupan 13.8 peratus pada tahun sebelumnya. Menurut Tinjauan Pasaran Komoditi oleh Bank Dunia, tinjauan komoditi keseluruhan untuk 2025 menunjukkan arah aliran menurun, dengan jangkaan penurunan harga 5.0 peratus, diikuti penurunan 2.0 peratus pada 2026. Kemerosotan itu disebabkan oleh faktor-faktor seperti lebihan bekalan dalam pasaran tenaga, lebihan kapasiti dalam logam dan harga pertanian yang lebih stabil. Selain itu, *U.S. Energy Information Administration (EIA)* meramalkan bahawa pertumbuhan pengeluaran minyak global akan mengatasi permintaan yang membawa kepada lebihan bekalan di pasaran.


Evolusi Ekonomi Dan Tenaga Kerja Dalam Sektor Pertanian

Perubahan Sumbangan Sektor Ekonomi Sejak 1970-an

Ekonomi Malaysia telah mengalami perubahan ketara sejak 1970, dengan peralihan struktur ekonomi yang ketara dari sektor Pertanian kepada Pembuatan dan seterusnya ke sektor Perkhidmatan. Perubahan ini bukan sahaja mempengaruhi sumbangan setiap sektor kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) tetapi juga memberi kesan langsung terhadap pola tenaga kerja negara. Seiring dengan transformasi ekonomi ini, tenaga kerja negara turut melalui transisi selari dengan keperluan sektor ekonomi yang semakin berkembang.

Pada peringkat awal, sektor Pertanian merupakan penyumbang utama kepada ekonomi dan tenaga kerja negara. Namun, dengan peralihan kepada sektor Pembuatan yang lebih berorientasikan perindustrian, tenaga kerja mula beralih ke kilang-kilang dan industri pembuatan yang berkembang pesat hasil daripada pelaburan asing serta dasar kerajaan yang menggalakkan perindustrian. Seterusnya, apabila sektor Perkhidmatan berkembang sebagai penyumbang utama kepada KDNK, lebih banyak tenaga kerja beralih ke sektor ini, terutamanya dalam bidang kewangan, teknologi maklumat, perniagaan digital, dan perkhidmatan profesional (Carta 46).

Carta 46: Sumbangan KDNK dan Tenaga Kerja mengikut Sektor Ekonomi (%)



Sumber: Pengiraan penulis berdasarkan KDNK dan STB, Malaysia

1970: Pertanian Sebagai Tulang Belakang Ekonomi

Pada tahun 1970-an, sektor Pertanian merupakan antara penyumbang terbesar kepada KDNK Malaysia, dengan sumbangan sebanyak 30.8 peratus. Komoditi seperti getah, kelapa sawit, dan padi merupakan penyumbang utama kepada hasil eksport negara, dan sektor ini juga menjadi sumber utama mata pencarian, terutamanya di kawasan luar bandar. Dalam tempoh ini, sektor Pembuatan masih berada di peringkat awal pembangunan, dengan sumbangan sebanyak 13.4 peratus kepada KDNK, manakala sektor Perkhidmatan menyumbang sebanyak 41.9 peratus. Walaupun sektor Pertanian mendominasi landskap ekonomi, asas bagi kepelbagaian ekonomi masa hadapan telah pun mula dibentuk.

1980: Cabaran Sektor Pertanian dan Kebangkitan Sektor Pembuatan

Menjelang tahun 1980, dasar ekonomi Malaysia telah beralih kepada perindustrian, menyebabkan penurunan sumbangan sektor Pertanian kepada KDNK kepada 23.8 peratus. Sumbangan sektor Pembuatan meningkat kepada 18.6 peratus, mencerminkan peningkatan pelaburan asing dan inisiatif kerajaan yang menggalakkan pertumbuhan industri.

Sektor Perkhidmatan juga berkembang, dengan sumbangan sebanyak 43.8 peratus kepada KDNK. Data pekerjaan pada tempoh ini menunjukkan bahawa sektor Pertanian masih merupakan majikan yang penting, walaupun bahagiannya mula berkurangan selari dengan perubahan struktur ekonomi.

1990: Fasa Pertumbuhan Perindustrian

Dekad 1990-an menyaksikan pertumbuhan industri yang pesat, dengan sumbangan sektor Pembuatan kepada KDNK meningkat 24.6 peratus. Seiring dengan itu, sumbangan sektor Pertanian menurun 16.3 peratus.

Pekerjaan dalam sektor Pertanian juga berkurangan apabila tenaga kerja beralih ke sektor Pembuatan dan Perkhidmatan. Sektor Perkhidmatan terus berkembang, menyumbang 46.8 peratus kepada KDNK, mencerminkan peningkatan kebergantungan ekonomi Malaysia kepada perdagangan, kewangan, dan pelancongan.

2000: Kemuncak Sektor Pembuatan

Menjelang tahun 2000, sektor Pembuatan mencapai kemuncak sumbangannya kepada KDNK iaitu sebanyak 30.9 peratus, didorong oleh peranan Malaysia yang semakin berkembang sebagai pengeksport utama produk elektronik dan automotif.

Walaupun sumbangan ekonomi sektor Pertanian menurun kepada hanya 8.6 peratus daripada KDNK, sektor ini masih menyediakan pekerjaan kepada 16.7 peratus tenaga kerja, menggambarkan sifatnya yang padat buruh. Sementara itu, sektor Perkhidmatan terus mengukuhkan kedudukannya dengan menyumbang 49.3 peratus kepada KDNK.

2010: Transformasi ke Arah Pertanian Pintar

Pada tahun 2010, ekonomi Malaysia telah beralih secara kukuh ke arah sektor Perkhidmatan, dengan sektor Perkhidmatan menyumbang 51.2 peratus kepada KDNK dan menggaji 59.1 peratus daripada tenaga kerja. Sumbangan sektor Pembuatan kepada KDNK menurun kepada 23.4 peratus, mencerminkan peralihan kepada pengeluaran bernilai tambah yang lebih tinggi.

Sektor Pertanian menyumbang 10.1 peratus kepada KDNK dan menggaji 13.6 peratus daripada tenaga kerja. Menariknya, sektor ini mula mengintegrasikan teknik pertanian pintar dengan mengaplikasikan teknologi moden dan automasi bagi meningkatkan produktiviti dan kelestarian.

2020 – 2023: Ekonomi Berasaskan Perkhidmatan dan Cabaran Baru

Memasuki dekad 2020-an, sektor Perkhidmatan terus mengukuhkan dominasinya dengan menyumbang 59.3 peratus kepada KDNK dan menggaji 65.8 peratus daripada tenaga kerja menjelang tahun 2023. Sumbangan sektor Pertanian kepada guna tenaga menurun kepada 9.1 peratus, menonjolkan migrasi tenaga buruh yang berterusan ke sektor lain. Namun begitu, Dasar Agromakanan Negara 2.0 (2021–2030) yang diperkenalkan oleh kerajaan menegaskan komitmen berterusan untuk merancakkan semula sektor Pertanian melalui usaha meningkatkan kecekapan, daya saing, dan kelestarian menerusi pertanian pintar serta inovasi teknologi.

Masa Depan Sektor Pertanian dalam Ekonomi Malaysia

Perkembangan ekonomi Malaysia jelas menunjukkan peralihan daripada ekonomi berasaskan pertanian kepada perindustrian, dan kini ke arah perkhidmatan serta teknologi. Namun, sektor Pertanian masih kekal relevan dan strategik dalam memastikan keterjaminan makanan serta kelestarian sumber asli negara.

Masa depan sektor Pertanian di Malaysia bergantung kepada usaha untuk mempercepatkan penggunaan teknologi pintar, meningkatkan produktiviti dengan tenaga kerja yang lebih kecil, serta menggalakkan lebih ramai generasi muda untuk menceburi diri dalam bidang agropreneur. Pelaburan dalam penyelidikan dan pembangunan (R&D), insentif kepada petani moden, serta pengukuhan rantaian bekalan makanan adalah langkah penting bagi memastikan sektor Pertanian kekal mampan dalam ekonomi negara.

Dengan strategi yang tepat, Malaysia mampu menjadikan pertanian sebagai salah satu sektor strategik yang bukan sahaja memenuhi keperluan domestik tetapi juga berdaya saing di peringkat global.

Profil Tenaga Buruh Sektor Pertanian 2023: Dinamika dan Implikasi Ekonomi


Perubahan dalam sektor Pertanian di Malaysia bukan sahaja melibatkan aspek teknologi dan kaedah pertanian moden, tetapi juga peralihan dalam struktur tenaga buruh yang menjadi tunjang kepada pembangunan sektor ini. Sebagai sebahagian daripada tenaga buruh negara, sektor Pertanian kini merangkumi 1.44 juta pekerja, menyumbang 9.1 peratus daripada jumlah penduduk bekerja Malaysia menurut Laporan Survei Tenaga Buruh 2023.

Meskipun sektor ini mengalami penyusutan dari segi kadar penyertaan tenaga buruh dalam beberapa dekad kebelakangan ini, ia masih berperanan penting dalam keterjaminan makanan dan menyokong rantaian bekalan makanan negara. Namun, terdapat cabaran utama yang perlu ditangani, termasuk kebergantungan kepada tenaga buruh asing, tahap pendidikan yang rendah dalam kalangan pekerja, serta kurangnya minat golongan muda terhadap sektor ini. Oleh itu, analisis terhadap profil tenaga buruh dalam sektor Pertanian adalah penting dalam memahami hala tuju masa depan sektor ini serta strategi yang perlu dirangka untuk meningkatkan daya saingnya.

Kebergantungan kepada Tenaga Buruh Asing dalam Pertanian

Sektor Pertanian Malaysia masih menunjukkan kebergantungan yang tinggi terhadap tenaga buruh asing, dengan 33.0 peratus penduduk bekerja terdiri daripada pekerja bukan warganegara, manakala 67.0 peratus adalah pekerja warganegara (**Carta 47**). Angka ini membuktikan bahawa sektor ini masih kurang diminati oleh rakyat Malaysia, terutamanya dalam subsektor yang memerlukan kerja-kerja manual. Situasi ini berkait rapat dengan faktor gaji yang lebih rendah berbanding sektor lain seperti Pembuatan dan Perkhidmatan.

Carta 47: Sumbangan Penduduk Bekerja mengikut Kewarganegaraan (%)



Sumber: Laporan Survei Tenaga Buruh 2023


Berdasarkan teori Model Pembangunan Dualistik Lewis, kebergantungan kepada tenaga buruh dengan gaji yang rendah boleh memperlahankan peralihan sektor Pertanian ke arah mekanisasi dan teknologi moden. Jika tidak diatasi, kebergantungan ini boleh memberi impak negatif terhadap kemampuan sektor ini, terutamanya dalam menghadapi cabaran global seperti perubahan iklim dan peningkatan kos tenaga buruh.

Transformasi pertanian di Malaysia telah menekankan kepentingan automasi dan pertanian pintar sebagai langkah untuk mengurangkan kebergantungan terhadap tenaga kerja manual. Justeru, kerajaan perlu merangka polisi yang lebih berkesan dalam menggalakkan penggunaan teknologi di peringkat perladangan serta memperkenalkan pelbagai insentif bagi menarik lebih ramai tenaga buruh tempatan menyertai sektor ini.

Cabaran Menarik Golongan Muda ke Sektor Pertanian

Dari segi kumpulan umur, data Laporan Survei Tenaga Buruh 2023 menunjukkan bahawa 29.1 peratus penduduk bekerja dalam sektor Pertanian berusia 25-34 tahun, diikuti oleh 25.4 peratus dalam lingkungan 35-44 tahun. Walaupun kumpulan usia ini masih dominan dalam sektor Pertanian, kehadiran tenaga buruh yang lebih tua juga cukup signifikan, dengan 18.0 peratus berusia 45-54 tahun dan 14.0 peratus dalam lingkungan 55-64 tahun, merangkumi 32.0 peratus daripada keseluruhan penduduk bekerja dalam sektor Pertanian di Malaysia (**Carta 48**).

Carta 48: Sumbangan Penduduk Bekerja mengikut Kumpulan Umur (%)



Sumber: Laporan Survei Tenaga Buruh 2023


Trend ini menunjukkan bahawa sektor ini banyak bergantung kepada pekerja berusia dan menghadapi cabaran dalam menarik minat golongan muda. Terdapat pelbagai kajian yang membincangkan bagaimana pertanian moden boleh menjadi daya tarikan kepada generasi muda melalui penggunaan teknologi seperti pertanian pintar, automasi, dan kecerdasan buatan (AI). Namun, data ini menunjukkan bahawa perubahan tersebut masih belum cukup untuk menarik minat secara besar-besaran, dan usaha berterusan diperlukan untuk memastikan kesinambungan tenaga buruh dalam sektor ini.

Daripada perspektif ekonomi, teori Model Modal Insan oleh Becker (1964) menekankan bahawa pelaburan dalam pendidikan dan latihan adalah pemangkin dalam meningkatkan produktiviti tenaga buruh. Oleh itu, sistem pendidikan perlu lebih berorientasikan latihan teknikal dalam bidang pertanian untuk memastikan lebih ramai tenaga buruh muda memiliki kemahiran yang sesuai dengan keperluan industri.

Keperluan Latihan dan Pendidikan Berasaskan Teknologi

Pendidikan memainkan peranan penting dalam membentuk kualiti tenaga kerja dalam sektor Pertanian. Statistik menunjukkan bahawa lebih separuh (54.5 peratus) daripada penduduk bekerja sektor ini hanya mempunyai pendidikan menengah, sementara 27.1 peratus memiliki pendidikan rendah, dan hanya 11.3 peratus mencapai pendidikan tertiar. Lebih membimbangkan, 7.2 peratus penduduk bekerja tidak mempunyai pendidikan rasmi (**Carta 49**).

Carta 49: Sumbangan Penduduk Bekerja mengikut Pencapaian Pendidikan (%)



Sumber: Laporan Survei Tenaga Buruh 2023


Tahap pendidikan yang rendah ini menjadi satu cabaran utama dalam proses transformasi sektor Pertanian ke arah yang lebih moden dan berdaya saing. Terdapat keperluan untuk meningkatkan akses kepada pendidikan teknikal dan vokasional (TVET) sebagai salah satu penyelesaian kepada isu ini. Pendekatan yang lebih holistik dalam bidang pendidikan pertanian akan membolehkan pekerja-pekerja sektor Pertanian memahami dan mengaplikasikan teknologi moden seperti penggunaan drone pertanian, pelaksanaan sistem fertigasi automatik, dan analitik data dalam pengurusan ladang.

Tanpa peningkatan dalam aspek pendidikan dan latihan, Malaysia akan terus bergelut dengan produktiviti tenaga buruh yang rendah dalam sektor Pertanian, yang akhirnya boleh menjejaskan daya saing industri ini di peringkat global.

Dominasi Pekerja Makan Gaji dan Kurangnya Usahawan Tani

Struktur pekerjaan dalam sektor Pertanian masih didominasi oleh golongan pekerja makan gaji, yang merangkumi 59.4 peratus daripada jumlah penduduk bekerja, diikuti oleh 36.6 peratus pekerja sendiri, manakala 1.7 peratus terdiri daripada majikan (**Carta 50**). Ini menunjukkan bahawa majoriti pekerja dalam sektor ini masih bergantung kepada syarikat atau majikan, dan kurangnya usahawan tani yang mampu memperkenalkan inovasi serta mengembangkan sektor ini ke tahap yang lebih moden.

Carta 50: Sumbangan Penduduk Bekerja mengikut Taraf Pekerjaan (%)




Sumber: Laporan Survei Tenaga Buruh 2023

Dari sudut pembangunan ekonomi, sektor Pertanian memerlukan lebih ramai usahawan tani untuk memacu inovasi dan menerapkan teknologi pertanian pintar. Dasar yang memberi galakan kepada pertanian komersial berskala kecil dan sederhana perlu diperluaskan, termasuk akses yang lebih mudah kepada modal, latihan keusahawanan, serta insentif cukai bagi petani moden.

Keperluan untuk Meningkatkan Kualiti dan Kemahiran Tenaga Buruh

Dari segi tahap kemahiran, pekerja dalam sektor Pertanian masih didominasi oleh pekerja separuh mahir, yang merangkumi 55.8 peratus daripada jumlah penduduk bekerja, diikuti oleh 37.4 peratus pekerja berkemahiran rendah, dan hanya 6.8 peratus yang boleh dikategorikan sebagai pekerja mahir (**Carta 51**).

Carta 51: Sumbangan Penduduk Bekerja mengikut Pekerjaan & Tahap Kemahiran (%)



Sumber: Laporan Survei Tenaga Buruh 2023

Peratusan pekerja mahir yang rendah ini memberi gambaran jelas bahawa sektor ini masih jauh daripada mencapai tahap kecekapan tinggi yang diperlukan dalam pertanian moden. Jika dibandingkan dengan negara maju seperti Netherlands dan Japan yang menjalankan aktiviti pertanian secara berteknologi tinggi dan berintensifkan pengetahuan, Malaysia masih mempunyai jurang yang besar untuk diisi dalam aspek kemahiran tenaga buruh.

Evolusi Ekonomi Malaysia: Menelusuri Melalui Perindustrian dan Seterusnya


Ekonomi Malaysia telah berubah dengan drastik sejak mencapai kemerdekaan pada tahun 1957, beralih daripada struktur berasaskan komoditi kepada struktur yang didorong oleh pembuatan dan kini semakin didorong oleh perkhidmatan. Evolusi ini mencerminkan hala tuju dasar yang sistematik, hubungan ekonomi global, dan anjakan penduduk Malaysia. Pada awal dekad, kemajuan pertumbuhan ekonomi Malaysia bergantung kepada eksport getah, bijih timah dan minyak sawit. Walau bagaimanapun, pada tahun 1980-an, dengan pelaksanaan dasar perindustrian seperti Dasar Ekonomi Baru dan kemudiannya Pelan Induk Perindustrian membantu mengalihkan ekonomi ke arah pembuatan, khususnya dalam elektronik. Peralihan ini bukan sahaja menarik pelaburan asing tetapi juga menjana peluang pekerjaan dan mendorong urbanisasi. Menjelang 2024, lebih 75.0 peratus rakyat Malaysia tinggal di kawasan bandar, peningkatan ketara daripada hanya 28.4 peratus pada 1970.

Sektor Pembuatan merupakan asas untuk pemodenan ekonomi, tetapi sejak 1990-an, Perkhidmatan telah muncul sebagai penyumbang utama kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK). Sektor seperti kewangan, pelancongan dan perkhidmatan digital kini menjadi tulang belakang ekonomi Malaysia. Walaupun peralihan ini telah membuka pintu kepada inovasi dan pertumbuhan bernilai tinggi, ia juga telah mendedahkan jurang, terutamanya dalam produktiviti, kesediaan digital dan kemahiran buruh antara industri tradisional dan moden. Sebaliknya, perdagangan luar telah berfungsi sebagai pemangkin dan kelemahan. Malaysia berjaya beralih daripada mengeksport komoditi mentah kepada barangan perkilangan yang kompleks. Namun, ekonominya masih sangat bergantung kepada eksport dan dengan itu terdedah kepada kejutan global, seperti turun naik harga komoditi dan ketidakstabilan geopolitik. Peristiwa seperti Krisis Kewangan Asia, kemelesetan global dan pandemik COVID-19 telah menguji daya tahan ekonomi Malaysia dan menekankan keperluan untuk penampakan fiskal yang lebih kukuh dan strategi pertumbuhan yang lebih pelbagai.

Krisis COVID-19, khususnya, mendedahkan cabaran dalam rantai bekalan dan infrastruktur digital. Proses pemulihan telah menekankan kepentingan membina ekonomi yang lebih berdaya tahan dan inklusif, yang merangkumi automasi, peningkatan kemahiran dan penggubalan dasar yang boleh disesuaikan. Mewujudkan jaringan keselamatan sosial yang teguh dan dasar dipacu data adalah kunci untuk menavigasi gangguan masa depan dengan berkesan.

Perubahan demografi merumitkan lagi landskap ekonomi. Malaysia sedang mengalami peralihan demografi yang ditandai dengan penurunan kadar kelahiran dan peningkatan jangka hayat. Penduduk usia bekerja semakin berkurangan, dan negara berada di landasan untuk menjadi masyarakat yang semakin tua menjelang 2030. Ini memberikan risiko dan cabaran jangka panjang kepada bekalan buruh dan daya hidup ekonomi, melainkan dikurangkan melalui peningkatan produktiviti, pembelajaran sepanjang hayat dan strategi penuaan aktif. Walaupun Pertanian kini menyumbang hanya kira-kira 6.0 peratus kepada KDNK, namun ia tetap penting untuk mata pencarian luar bandar dan keselamatan makanan negara. Menghidupkan semula sektor ini melalui teknik moden dan pengeluaran nilai tambah boleh membantu merapatkan jurang luar bandar-bandar dan menggalakkan kemampanan.

Memandang ke hadapan, Malaysia mesti menghadapi cabaran perangkap pendapatan sederhana. Pertumbuhan masa depan akan bergantung pada meningkatkan produktiviti, memupuk inovasi dan peralihan kepada ekonomi digital dan hijau. Dengan pelaksanaan dasar yang mantap, pelaburan strategik dalam modal insan dan pembaharuan institusi, Malaysia boleh meneruskan perjalanannya ke arah pemodenan, memastikan pertumbuhan inklusif dan mampan dalam persekitaran global yang semakin dinamik.



Penghargaan

SIDANG PENGARANG

Jamia Aznita Jamal	Farrahlizawati Mohd Isa	Aishahtul Amrah Che Razali
Rusnani Hussin @ Isa	Yong Joo Chiet	Nurul Effa Farhana Halim
Malathi Ponnusamy	Komathi A/P Pindaya	Mohamad Amjad Mohamed Zahari
Mohd Suhaidi Bin Abdul Rais	Khairunnisa Khaidir	Nurul Atiqah binti Zainal Abidin
Fareza Mohamed Sani	Lim Kok Hwa	Farril Fardan Danial
Nur Surya Ab. Razak	Siti Hajar Mohamad	Aelina Khairina Mohd Arifin
Norazlin Muharam	Syafawati Abdul Refai	Nurul Izzati Sydina
Nur Aziha Mansor @ Noordin	Amirah Nur Ahmad	Nor Idaryna Harun
Noor Masayu Mhd Khalili	Mohd Syahidi Alfee Mohamad Mohar	Rahidah Mohd Nor
Khairul Aidah Samah	Syed Omar Faizal Syed Mohd Yusof	Nur Suaidah Rosli
Halina Abdul Hamid	Noraniza Ibrahim	Mohamad Faizul Ezwan Abdul Razak
Ummi Kalsum Mohamad	Kumutha Shanmugam	Choi Mui Fung
Nor Edrin Adlina Ghozali	Nurul Naqiah Mansor	Nasuha Mohammad
Mohd Firdaus Zaini	Siti Nur Alifah Zabidi	Nor Hazizah Yusop
Rosnah Muhammad Ali	Mardziah Nawama	

PENGARANG

Norhayati Jantan	Fadzilah Aini Mustaffa	Mardziah Nawama
Jamaliah Jaafar	Nor Edrin Adlina Ghozali	Mohd Yusri Abdul Rahim @ Ibrahim
Wan Mohd Shahrulnizam bin Wan Mohd Najuri	Muhamad Fadzil Ismail	Abdul Hadi Alias
Dr. Kanageswary Ramasamy	Rosnah binti Muhammad Ali	Ahmad Thawrique Mohd Taufan
Mohd Yazid bin Kasim	Siti Faizah Hanim Md Matar	Adam Akashah Ahmad
Riyanti binti Saari	Azura Arzemi	Amerudin Abdul Ghani
Zainol Jamil	Halina Abdul Hamid	Sitie Suria Zakaria
Mazreha binti Ya'akub	Nur Surya Ab Razak	Pameza Abdul Harip
Sharuddin bin Shafie	Muhamad Fadzil Ismail	Sitti Fatimah Jusoh
Suzana Abu Bakar	Zulaikha Kamaruddin	Fatin Raihana binti Tamran
Norisan Mohd. Aspar	Siti Faizah Hanim Md Matar	Wan Nuraliya Afifah Wan Ramli
Maslina Samsudin	Zainal Abidin Abd Mutalib	Siti Nuraishah Mohd Khair
Sayeeda Kamaruddin	Nazarina Nasir	Diyana Amalina binti Mat Zelan
Mohd Suhaidi Abdul Rais	Nur Azmina Ahmad Zuhkhori	Aniza Ayuna Che Jani
Khairul Aidah Samah	Syafawati Abdul Refai	Nur Fazlin Abdullah
Fareza bin Mohamed Sani	Siti Nur Alifah binti Zabidi	Muhammad Fadhil Mujab
	Siti Kartini Salim	

Bahagian Perangkaan Akaun Negara

Bahagian Perangkaan Penduduk dan Demografi

Bahagian Perangkaan Harga, Pendapatan dan Perbelanjaan

Bahagian Perangkaan Perkhidmatan

Biro Statistik Buruh Malaysia

Bahagian Perangkaan Perdagangan Antarabangsa

Bahagian Perangkaan Pertanian dan Alam Sekitar

Bahagian Perangkaan Imbangan Pembayaran

Bahagian Perangkaan Pengeluaran Industri & Binaan

Bahagian Komunikasi Strategik dan Antarabangsa



@StatsMalaysia



www.dosm.gov.my



ASEAN
MALAYSIA 2025
KETERANGKUMHAN DAN KEMAMPUAN



MALAYSIA
MADANI



ODIN 2024-2025
OPEN DATA INVENTORY
MALAYSIA
TEMPAT PERTAMA
DI DUNIA



20 Oktober



2016 - 2030

#StatsMalaysia || #MyStatsDay

#LeaveNoOneBehind

e ISBN 978-967-253-899-8



9 789672 538998




@StatsMalaysia



ASEAN
MALAYSIA 2025
INCLUSIVITY AND SUSTAINABILITY



MALAYSIA
MADANI
kemampuan



ODIN 2024-2025
OPEN DATA INVENTORY
MALAYSIA
NUMBER ONE
IN THE WORLD



20 October



2016 - 2030